UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

UniMAP 2025

#UniversitiMalaysiaPerlis
www.unimap.edu.my
ILMU · KEIKHLASAN · KECEMERLANGAN

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : MY-QMS 02213

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : MY-QMS 02213

QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS
Ranked 801-1000
2021

QS STARS RATING SYSTEM
2019

VERY COMPETITIVE
PENARAFAN BERSEPADU
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA
(SETARA 2018/2019)
Mature University

THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS
2021 TOP 1001+

Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Aras 3 Bangunan Canselori
Kampus UniMAP Pauh Putra
02600 Arau
Perlis

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Prakata Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti	5
Prakata Naib Canselor	7
Prakata Penolong Naib Canselor	9
Misi, Visi & Nilai Teras UniMAP	11
Objektif UniMAP	12
IMPAK	13
UniMAP 2025	15
Laporan Tahun 1 Fasa II (Tahun 2020)	16
• Teras Akademik	17
• Teras Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan	27
• Teras Kesejahteraan Pelajar	32
• Teras Pengantarabangsaan	39
• Teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti	43
• Teras Kecemerlangan Bakat	50
• Teras Pemantapan Infrastruktur	53
• Teras Kelestarian Kewangan	67

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
UniMAP 2025 Tahun 2 (2021) Fasa II (2020-2022)	75
• Teras Akademik	76
• Teras Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan	82
• Teras Kesejahteraan Pelajar	87
• Teras Pengantarabangsaan	92
• Teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti	98
• Teras Kecemerlangan Bakat	102
• Teras Pemantapan Infrastruktur	109
• Teras Kelestarian Kewangan	121
KPI UniMAP 2025 : Fasa II: 2020 -2022 - (Definisi Operasional & Kaedah Pengiraan)	126
Sidang Editor	158

PRAKATA
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Tahniah saya ucapkan kepada semua staf yang terlibat dalam membangunkan dokumen ini. Sudah tentu di belakang tabir banyak tindakan yang telah diambil untuk memastikan bahawa Pelan ini merangkumi inisiatif yang perlu dilaksanakan dalam usaha melonjakkan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) ke suatu kedudukan yang membanggakan. Usaha anda ialah sumbangan yang amat penting bagi pengukuhan kedudukan UniMAP sebagai universiti teknikal yang cemerlang.



Pelan Strategik ini mengiktiraf dan mengambil iktibar daripada begitu banyak ilmu, maklumat dan pengalaman terdahulu yang mesti sentiasa dirujuk, diperkukuhkan dan disanjung. Pada masa yang sama, kita meneroka segala kemungkinan masa hadapan dalam keadaan dunia masa kini yang amat dinamik. Sebagai sebuah universiti tentunya penerokaan ini bukan sahaja dalam bentuk reaktif iaitu bertindak susulan sesuatu faktor tertentu. Saya amat berharap UniMAP menjadi sebuah universiti peneraju yang menetapkan standard dan menjadi kayu ukur bagi institusi dan organisasi lain. Untuk tujuan itu, UniMAP mesti berani, terkehadapan dan mempunyai daya serta bertenaga untuk berterusan terlibat dalam usaha kajian, penelitian, pengujikajian dan penghasilan inovasi.

Sebagai sebuah entiti yang teras utamanya ialah pendidikan teknikal, aspek utama yang perlu diberi penekanan selain daripada pemerolehan ilmu ialah bagaimana kita dapat menyediakan pelajar bukan sahaja untuk menghadapi ketidaktentuan dunia masa kini tetapi juga untuk menjadi pemimpin dalam apa sahaja situasi yang mereka lalui. Dalam erti kata lain, tugas universiti sekarang ialah memastikan bahawa keutamaan diletakkan kepada keperluan industri dan komuniti, iaitu dua penerima langsung siswazah yang akan dihasilkan oleh UniMAP. Kedua-dua pihak ini, dan umum pada amnya bergantung harap bahawa kekuatan intelek, kemahiran amali, ketangkasan mental dan ketinggian adab para siswazah UniMAP akan membantu menyumbang kepada pembangunan negara dalam pelbagai cara dan bentuk. Saya berharap Pelan ini telah digubal mengambil kira semua keperluan tersebut. Hanya dengan cara ini, kita dapat memastikan bahawa UniMAP benar-benar menyumbang kepada kesejahteraan masa hadapan Malaysia dan seterusnya pada peringkat global.

Sudah tentu, pelaksanaan yang mantap akan menjamin kejayaan Pelan yang telah dirancang. Keperluan untuk bekerja sebagai satu pasukan yang kukuh amat penting dalam hal ini. Pasukan dalaman universiti perlu diperteguhkan, begitu juga pasukan antara UniMAP dan pihak di luar sana yang pelbagai. Dalam erti kata lain, persefahaman dan kerjasama perlu wujud antara banyak pihak. Saya yakin UniMAP akan sentiasa berusaha ke arah ini untuk mencapai hasrat dan objektif Pelan Strategik UniMAP2025.

Selamat maju jaya.

Y.M. RAJA DATO' AZWANE RAJA ARIFF

PRAKATA
NAIB CANSELOR UniMAP



Pelan Strategik UniMAP 2025 dibangunkan atas asas IMPAK. Semenjak pelantikan saya sebagai Naib Canselor, saya telah menekankan bahawa apa jua yang kita laksanakan, keutamaan perlu diletakkan ke atas lima perkara utama iaitu untuk melahirkan **insan** yang baik dan berpengetahuan, memelihara nilai-nilai **murni**, meningkatkan kecekapan **proses** kerja melalui transformasi digital, memperolehi pengiktirafan **antarabangsa** dan memastikan UniMAP menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan **komuniti**, yang termasuk juga pihak industri, pada peringkat tempatan dan serantau.

Asas ini dipegang teguh dalam Fasa Kedua UniMAP 2025 dan kelangsungannya dipastikan dalam pelaksanaan tahun kedua Fasa ini. Semakan semula terhadap pencapaian tahun pertama Fasa Kedua UniMAP 2025 telah menghasilkan pelan yang terkandung dalam dokumen ini. Lapan teras UniMAP masih dikekalkan atas dasar keutamaan yang perlu diberikan oleh UniMAP supaya Misi, Visi serta Objektif Universiti dapat dicapai. Teras Akademik, Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, Kesejahteraan Pelajar, Pengantarabangsaan dan teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti adalah teras-teras utama, yang disokong oleh teras Kecemerlangan Bakat, Pemantapan Infrastruktur dan teras Kelestarian Kewangan. Kesemua teras ini mengandungi harapan dan aspirasi UniMAP dan semua pihak berkepentingan sekurang-kurangnya sehingga 2025.

Saya berharap Pelan ini akan menjadi panduan utama bagi komuniti kampus khususnya dalam kerja dan usaha kita seharian dan untuk tempoh jangka masa panjang. Saya telah meminta semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) dan pihak yang relevan untuk berfikir dan bertindak secara kreatif, inovatif dan responsif terhadap keperluan para pelajar UniMAP dan juga keperluan negara amnya. Dalam pada itu, kita menjangka bahawa tahun 2021 ialah tahun yang mencabar, mungkin lebih mencabar daripada tahun 2020 yang menyaksikan bermulanya pandemik COVID-19. Tahun 2021 beragendakan kemampanan secara amya dan menuntut kita untuk mengimbangi antara kemahuan dan keperluan Universiti, serta kemahuan dan keperluan pihak yang berkepentingan. Saya akui, hal ini bukan mudah.

Bagaimanapun, saya yakin bahawa dengan kerjasama yang padu antara semua pihak, sasaran yang ditetapkan bagi objektif Pelan UniMAP 2025 ini akan dicapai dengan cemerlang. Tiada apa yang tidak boleh kita sama-sama capai jika berbekalkan semangat juang, dedikasi, iltizam dan kerjasama dalam pemikiran dan tindakan kita. Pada masa yang sama, laksanakanlah tanggungjawab dan amanah yang diberikan secara berintegriti, beretika dan beradab.

Bersatu kita jayakan UniMAP 2025.

PROF. IR. TS. DR. R BADLISHAH AHMAD

PRAKATA
PENOLONG NAIB CANSELOR SQM

Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM) mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang buah fikiran, tenaga dan masa dalam usaha dokumentasi Pelan Strategik UniMAP 2025, khususnya bagi tahun kedua dan seterusnya untuk Fasa Kedua Pelan ini. Bahagian awal dokumen ini melaporkan pencapaian pelaksanaan tahun pertama (2020) bagi Fasa Kedua UniMAP 2025. Pandemik COVID-19 telah memberi sedikit impak terhadap kualiti pencapaian beberapa inisiatif yang telah dirancang bagi tahun 2020. Atas dasar tersebut, proses semakan telah merangkumi refleksi serta meletakkan beberapa andaian bagi tahun-tahun yang akan datang, dalam memastikan semua objektif Teras UniMAP 2025 akan berjaya dicapai.

Terdapat juga perubahan fokus yang perlu dibuat untuk tahun kedua Fasa ini dan seterusnya. Hal ini tidak dapat dielakkan mengambil kira perubahan persekitaran pengajian tinggi dan global amnya yang begitu dinamik.

Sewaktu proses semakan tersebut, SQM telah menyaksikan bagaimana semua pihak Teras amat teliti dalam menetapkan penunjuk prestasi utama masing-masing dan sasaran yang akan memandu tindakan masing-masing. Rujukan telah dibuat kepada pelbagai sumber dan mengambil kira faktor-faktor nasional dan global. Inisiatif yang dirangka pula mempunyai tuntutan yang pelbagai dan mungkin yang paling kritikal ialah keperluan kewangan. Dalam erti kata lain, pelaburan yang akan dibuat bukanlah sedikit. Bagi sesetengah inisiatif, terdapat kemungkinan bahawa sumber kewangan adalah terhad dan pihak pelaksana perlu berfikir dan bertindak secara kreatif untuk memastikan sasaran tercapai.



Sehubungan itu, saya pasti semua pihak amat teruja untuk melihat bagaimana semua inisitiaf yang telah ditetapkan akan dilaksanakan. Persiapan mental juga perlu ada untuk menghadapi kekangan lain dan cabaran yang akan perlu diurus dan diselesaikan supaya agenda UniMAP 2025 bagi Fasa ini berjaya.

Terima kasih kepada Naib Canselor UniMAP atas sokongan yang diberikan. Terima kasih juga kepada semua Ketua Teras dan Setiausaha masing-masing yang turut menyumbang dalam usaha penyiapan dokumen ini. Langkah seterusnya ialah untuk memastikan semua sasaran akan dicapai dengan cemerlang.

Terima kasih.

PROF DR HARSHITA AINI HAROON

MISI, VISI & NILAI TERAS UniMAP



Universiti Teknikal yang berdaya saing di persada antarabangsa.

Melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara.

Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan

OBJEKTIF UniMAP

PELAJAR

- Untuk membangunkan pemimpin masa depan yang holistik melalui pendidikan menyeluruh yang mempraktikkan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

RANGKAIAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA (MTUN)

- Untuk memainkan peranan dalam pengajian tinggi TVET demi pembangunan industri negara.

KOMUNITI

- Untuk menjadi pemangkin perkongsian ilmu dan teknologi dengan masyarakat.

FAKULTI DAN STAF

- Untuk menyediakan persekitaran yang memberdayakan pembangunan intelektual dan profesional.

PENYELIDIKAN

- Untuk menjana ilmu baharu melalui usaha penyelidikan yang strategik bagi manfaat manusiawi.

BUDAYA KAMPUS

- Untuk membangunkan persekitaran intelektual yang kondusif bagi perkongsian ilmu, pandangan, budaya serta idea dalam usaha mencapai kemampanan.

PEMBANGUNAN BANGSA

- Untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkaya budaya Malaysia.


M
P
A
I
K
UniMAP

Melahirkan insan baik dan berpengetahuan.



Mempunyai nilai-nilai kasih sayang, kegembiraan dan saling menghormati

Menyumbang kepada komuniti (masyarakat dan industri).

Proses pengurusan yang cekap melalui Transformasi Digital.

Pengiktirafan antarabangsa.


TERAS UTAMA
AKADEMIK
PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN
KESEJAHTERAAN PELAJAR
PENGANTARABANGSAAN
LIBAT SAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI
UniMAP 2025
IMPAK
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
UniMAP
KECEMERLANGAN BAKAT
PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR
KELESTARIAN KEWANGAN
TERAS PEMANGKIN
www.unimap.edu.my
ILMU · KEIKHLASAN · KECEMERLANGAN

LAPORAN PENCAPAIAN
PENUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
UniMAP 2025
TAHUN 1 (2020)
FASA II (2020-2022)


TERAS
AKADEMIK

Teras: Akademik

PENCAPAIAN KESELURUHAN



Bilangan KPI: 13

Teras: Akademik

OS 1 :PROGRAM TVET YANG UNGGUL

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan tenaga pengajar yang mengikuti program reskilling/upskilling tenaga pengajar TVET.	100	185
2	Peratusan pelajar yang mencapai sasaran objektif program pengajian yang ditetapkan.	85%	90.06% (3,088/3,429)
3	Bilangan program diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang TVET yang mengandungi elemen INDUSTRY4WRD.	29	28
4	Jumlah program (kursus jangkapendek, program profesional/ eksekutif).	10	24
5	Peratus kursus yang mempunyai elemen keusahawanan berasaskan teknologi dalam kurikulum.	44%	4.44% (84/1,892)

OS 2 : PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERTERASKAN IR4.0

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Peratus program yang mempunyai elemen INDUSTRY4WRD daripada jumlah keseluruhan program yang ditawarkan di UniMAP	14%	83.33% (35/42)
2	Peratus kursus yang mengaplikasi dan menggunakan teknologi INDUSTRY4WRD dalam pengajaran dan pembelajaran	50%	97.9% (700/715)
3	Bilangan Center of Technology (COT)	11	10

Teras: Akademik

OS 3 : KUALITI AKADEMIK YANG UTUH

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan tenaga pengajar yang mempunyai sijil yang diiktiraf/diperakui.	30	333
2	Bilangan program kerjasama yang dibuat dengan institusi dalam dan luar negara.	10	5
3	Peratus program akademik yang mendapat akreditasi dan diiktiraf oleh badan antarabangsa seperti Washington Accord, Sydney Accord dan Dublin Accord.	38%	85.71% (36/42)
4	Tahap kepuasan staf terhadap kemudahan prasarana pengajaran dan pembelajaran.	55%	67.12%
5	Tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan prasarana pengajaran dan pembelajaran.	70%	66.32%

Teras: Akademik

OS 1 : PROGRAM TVET YANG UNGGUL

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan tenaga pengajar yang mengikuti program reskilling/upskilling tenaga pengajar TVET.	100	0
CATATAN	KPI ini akan terus diukur bagi tahun 2021 hingga 2025 dengan penambahbaikan penyataan KPI.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
2	Peratusan pelajar yang mencapai sasaran objektif program pengajian yang ditetapkan.	85%	90.06%
CATATAN	KPI digugurkan bagi tahun 2021 hingga 2025 kerana sasaran yang ditetapkan telah tercapai.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
3	Bilangan program diploma dan ijazah sarjana muda dalam bidang TVET yang mengandungi elemen INDUSTRY4WRD.	29	28
CATATAN	KPI ini digugurkan bagi tahun 2021 hingga 2025 kerana KPI ini bertindih dengan KPI OS2:1 (Peratus program yang mempunyai elemen INDUSTRY4WRD daripada jumlah keseluruhan program yang ditawarkan di UniMAP)		

Teras: Akademik

OS 1 :PROGRAM TVET YANG UNGGUL			
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
4	Jumlah program (kursus jangkapendek, program profesional/ eksekutif).	10	24
CATATAN	KPI ini akan terus diukur bagi Tahun 2021 hingga 2025.		
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
5	Peratus kursus yang mempunyai elemen keusahawanan berasaskan teknologi dalam kurikulum.	44%	4.44% (84/1,892)
CATATAN	KPI ini akan terus diukur bagi Tahun 2021 hingga 2025 dengan sedikit penambahbaikan penyataan KPI.		

Teras: Akademik

OS 2 : PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERTERASKAN IR4.0

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Peratus program yang mempunyai elemen INDUSTRY4WRD daripada jumlah keseluruhan program yang ditawarkan di UniMAP.	14%	83.33% (35/42)
CATATAN	1. Sasaran bagi KPI ini telah dicapai. 2. KPI digugurkan bagi tahun 2021 hingga 2025 kerana KPI ini bertindih dengan KPI OS2:2 [Peratus kursus yang mengaplikasi dan menggunakan teknologi INDUSTRY4WRD dalam pengajaran dan pembelajaran]		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
2	Peratus kursus yang mengaplikasi dan menggunakan teknologi INDUSTRY4WRD dalam pengajaran dan pembelajaran	50%	97.9% (700/715)
CATATAN	Sasaran bagi KPI ini telah dicapai. KPI ini akan terus diukur bagi tahun 2021 hingga 2025 dengan sedikit penambahbaikan penyataan KPI.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
3	Bilangan Center of Technology (COT)	11	10
CATATAN	1. Hanya 10 COT yang dapat dicapai untuk tahun 2020. 2. KPI ini akan terus diukur bagi tahun 2021 hingga 2025 dengan penambahbaikan penyataan KPI.		

Teras: Akademik

OS 3 : KUALITI AKADEMIK YANG UTUH

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan tenaga pengajar yang mempunyai sijil yang diiktiraf/diperakui	30	333
CATATAN	1. Sasaran ini telah dicapai dengan sejumlah 326 orang (90 P.Eng & C.Eng; 236 Ts) 2. KPI ini akan terus diukur bagi tahun 2021 hingga 2025 dengan sedikit penambahbaikan penyataan KPI.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
2	Bilangan program kerjasama yang dibuat dengan institusi dalam dan luar negara.	10	5
CATATAN	1. Hanya 4 program kerjasama dilaksanakan sepanjang tahun 2020. 2. KPI ini akan terus diukur bagi tahun 2021 hingga 2025.		

Teras: Akademik

OS 3 : KUALITI AKADEMIK YANG UTUH			
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
3	Peratus program akademik yang mendapat akreditasi dan diiktiraf oleh badan antarabangsa seperti Washington Accord, Sydney Accord dan Dublin Accord.	38%	85.71% (36/42)
CATATAN	1. Program Kejuruteraan yang telah mendapat akreditasi EAC (BEM) = 14/14 2. Program Teknologi Kejuruteraan yang mendapat akreditasi ETAC (BEM) = 0/13 3. Program Diploma yang telah mendapat akreditasi ETeAC (BEM) = 0/6 4. Program Teknologi yang telah mendapat akreditasi TTAC (MBOT) = 0/6 5. 2 program di PPIPT dan 1 program di IKOM (kini FSGM) telah mendapat akreditasi MQA = 3/3 6. Peratusan program yang telah mendapat akreditasi bertaraf antarabangsa. = 36/42 x 100 = 85.71% 7. KPI ini akan terus diukur bagi tahun 2021 hingga 2025.		

Teras: Akademik

OS 3 : KUALITI AKADEMIK YANG UTUH			
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
4	Tahap kepuasan staf terhadap kemudahan prasarana pengajaran dan pembelajaran.	55%	67.12%
CATATAN	1. KPI ini diukur melalui Kajian Tahap Kepuasan Staf tahun 2019 dengan menggunakan instrumen baharu yang dibangunkan oleh SQM. 2. KPI ini akan terus diukur bagi tahun 2021 hingga 2025 dengan sedikit penambahbaikan penyataan KPI.		

BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
5	Tahap kepuasan pelajar terhadap kemudahan prasarana pengajaran dan pembelajaran.	70%	66.32%
CATATAN	1. KPI ini diukur melalui Kajian Tahap Kepuasan Pelajar tahun 2019 dengan menggunakan instrumen baharu yang dibangunkan oleh SQM. 2. KPI ini akan terus diukur bagi tahun 2021 hingga 2025 dengan penambahbaikan penyataan KPI.		



TERAS
PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

Teras: Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan

PENCAPAIAN KESELURUHAN



Bilangan KPI: 16

Teras: Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan

OS 1 : MEMPERKASAKAN IMPAK PENYELIDIKAN DI PERSADA ANTARABANGSA

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan kolaborasi penyelidikan dengan institusi antarabangsa.	6	10
2	Bilangan projek penyelidikan antarabangsa.	5	6
3	Bilangan penganjuran seminar antarabangsa.	10	12
4	Bilangan penerbitan berindeks.	1,500	1,291
5	Bilangan penerbitan berkualiti dalam artikel berindeks WOS (Q1/Q2).	150	249
6	Bilangan penerbitan buku dan bab buku penyelidikan.	24	17
7	Bilangan penerbitan lain (polisi, jurnal tak berindeks, artikel majalah, akhbar,media digital).	50	50
8	Bilangan sitasi.	17,000	21,402

OS 2 : EKOSISTEM PENYELIDIKAN UNTUK MASA DEPAN

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan makmal/perkhidmatan makmal berakreditasi.	3	3
2	Bilangan pascadoktoral.	10	29
3	Bilangan staf yang menjadi Penyelidik Utama (PI).	250	371
4	Jumlah (RM) perolehan geran.	RM10,000,000.00	RM19,274,088.50

Teras: Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan

OS 3: PEMACU INOVASI DAN IMPAK KEPADA KOMUNITI			
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
1	Nilai (RM) pendapatan kasar perlesenan/jualan terus	RM40,000.00	RM 80,000.00
2	Bilangan perlesenan/jualan terus kepada industri	4	2
3	Bilangan harta intelek (IP) baharu yang didaftar & bertaraf granted	100	118
4	Bilangan projek penyelidikan berimpak kepada komuniti	16	16

Teras: Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan

OS 3 : PEMACU INOVASI DAN IMPAK KEPADA KOMUNITI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan perlesenan/jualan terus kepada industri	4	2
CATATAN	KPI ini masih belum mencapai sasaran. Inisiatif bagi mencapai sasaran bagi KPI ini sedang giat dijalankan antara pihak Pusat Pengkomersialan dan Inovasi (CiC), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan penyelidik bagi tujuan tersebut.		

Teras Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan masih mengekalkan objektif strategik yang sedia ada dan tiada perubahan bagi tahun 2021 dan tahun 2022. Bilangan KPI bagi Teras ini dikekalkan bagi tahun 2021 dan 2020, iaitu sebanyak tujuh belas (17) keseluruhan dengan tiga (3) objektif strategik yang telah dipersetujui melalui bengkel yang diadakan pada 28 Ogos 2020.

Inisiatif utama dalam memastikan tercapainya sasaran KPI yang ditetapkan bagi tahun yang dinilai iaitu pada tahun 2021 dan tahun 2022 telah dipetakan dengan setiap objektif strategik KPI UniMAP 2025.



TERAS
KESEJAHTERAAN PELAJAR

Teras: Kesejahteraan Pelajar

PENCAPAIAN KESELURUHAN



Bilangan KPI: 8

Teras: Kesejahteraan Pelajar

OS 1 : KEUSAHAWANAN DAN PENGUPAYAAN PELAJAR

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Tahap Indeks kesejahteraan pelajar.	80%	73.49%
2	Bilangan peluang pekerjaan setahun.	100	104
3	Jumlah peningkatan dana setiap tahun dari jumlah tahun sebelumnya.	152,350	1,180,000
4	Bilangan pelajar setiap tahun yg menerima bantuan.	2,207	2,810
5	Peratus penurunan kadar keberhutangan yuran pelajar.	90%	0

OS 2 : KAMPUS MESRA PELAJAR

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Tahap Indeks Kepuasan Pelajar terhadap khidmat mesra pelanggan.	80%	77.60%
2	Bilangan Student Service Center yang disediakan.	1	1

OS 3 : NILAI MURNI DAN JATI DIRI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Jumlah program yang dilaksanakan.	160	165

Teras: Kesejahteraan Pelajar

OS 1 : KEUSAHAWANAN DAN PENGUPAYAAN PELAJAR

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Tahap Indeks kesejahteraan pelajar.	80%	73.49%
2	Tahap Indeks Kepuasan Pelajar terhadap khidmat mesra pelanggan.	80%	77.60%
CATATAN	1. KPI ini diukur melalui Kajian Tahap Kepuasan Mahasiswa 2019 menggunakan instrumen baharu yang dibangunkan oleh SQM. 2. Soalan terlalu banyak menyebabkan pelajar tidak fokus untuk menjawab. Soalan perlu diringkaskan dan dinyatakan dengan lebih mudah (50 soalan sahaja). 3. Pelbagaikan bentuk soalan. 4. Soalan perlu lebih spesifik/menjurus kepada lokasi [kafe, tandas, kolej dll].		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
3	Bilangan peluang pekerjaan setahun.	100	104
CATATAN	1. Sasaran ini telah dicapai dengan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan. 2. 104 pelajar (26 pelajar di bawah Tabung Dedikasi Diri). 3. 16 pelajar Warung Tihh + 39 Pelajar Doorstep – Dana Keusahawanan Insentif Khas Kasih UniMAP 4. 23 pelajar di bawah Program GIG Economy MDEC.		

Teras: Kesejahteraan Pelajar

OS 1 : KEUSAHAWANAN DAN PENGUPAYAAN PELAJAR

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
3	Jumlah peningkatan dana setiap tahun dari jumlah tahun sebelumnya.	152,350	1,180,000
CATATAN	1. Meningkatkan kolaborasi dengan syarikat-syarikat luar untuk mendapat sumbangan dana yang akan disalurkan kepada pelajar. 2. Dana Insentif Khas Kasih UniMAP memperuntukkan sejumlah RM1,180, 000.00 i. Penginapan percuma (RM250,000.00) ii. Data Internet (RM280,000.00) iii. Komputer riba (RM10,000.00) iv. Tabung Zakat (RM500,000.00) v. Tabung Dedikasi Diri (RM90,000.00) vi. Dana Keusahawanan (RM25,000.00) vii. Dana Inovasi (RM25,000.00) 3. Permohonan kepada pihak MAIPS untuk menambah kriteria penerima zakat (asnaf) dari 3 kepada 4 golongan iaitu: i. Miskin ii. Fisabilillah iii. Fakir iv. Orang yang berhutang (tegar)		

Teras: Kesejahteraan Pelajar

OS 1 : KEUSAHAWANAN DAN PENGUPAYAAN PELAJAR

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
4	Bilangan pelajar setiap tahun yang menerima bantuan.	2,207	2,810
CATATAN	1. Pelbagai bentuk bantuan juga telah diterima terutama semasa tempoh PKP COVID-19. 2. Bilangan keseluruhan sumbangan yang diterima semasa tempoh PKP adalah sebanyak RM99,940.00 dalam pelbagai bentuk sumbangan (wang tunai, bekalan makanan dan lain-lain keperluan).		

OS 2 : KAMPUS MESRA PELAJAR

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Peratus penurunan kadar keberhutangan yuran pelajar.	90%	0
CATATAN	1. Inisiatif yang dirancang seperti Program Penasihatan Pengurusan Kewangan tidak dapat dilaksanakan ekoran ketiadaan pelajar di kampus (pelaksanaan PKP). 2. Pendapatan keluarga pelajar terjejas akibat COVID-19. 3. KPI ini dicadang diletakkan di bawah Teras Penjanaan Kewangan. 4. Slot untuk Tabung Dedikasi tidak dapat dipenuhi ekoran ketiadaan pelajar semasa tempoh PKP. Hal ini termasuk GIG economy. 5. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut: i. Bantuan zakat kepada pelajar utk membayar hutang. ii. Menyediakan peluang pekerjaan [Tabung Dedikasi Diri]. iii. Perbincangan bersama MAIPs untuk mendapatkan kelulusan penambahan zakat untuk golongan berhutang. iv. Program literasi kewangan		

Teras: Kesejahteraan Pelajar

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
2	Bilangan *Student Service Center* yang disediakan.	1	1
CATATAN	1. Berdasarkan perancangan awal, pusat pelajar akan dibuka di Kampus UniCITI pada Jun 2020 menggunakan peruntukan inisiatif UniMAP 2025 sebanyak RM21,250.00. Perbincangan telah diadakan bersama pengurusan Kampus Uniciti Alam bagi mengenal pasti lokasi yang bersesuaian. Walau bagaimanapun pelaksanaan tertangguh kerana pelaksanaan PKP. 2. Cadangan: menukar OS kepada mewujudkan *student center* (Pusat Kegiatan Pelajar) di Fakulti dan kolej-kolej kediaman.		

OS 3 : NILAI MURNI DAN JATI DIRI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Jumlah program yang dilaksanakan	160	165
CATATAN	1. Pelaksanaan Pillars melibatkan penyertaan 3228 pelajar (Januari – Oktober 2020) i. P1 (Patriotisme) ii. P2 (Baktisiswa) iii. P3 (Kerohanian) iv. P4 (Wacana Sosial) v. P5 (Intra) vi. P6 (Keusahawanan) vii. P7 (Etika Sosial) 2. Pelaksanaan program oleh P3P, Kolej kediaman, Pusat-Pusat Pengajian, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK) dan Kelab / Persatuan. 3. Program telah dirancang dan dilaksanakan secara dalam talian sepanjang tempoh PKP.		



TERAS PENGANTARABANGSAAN

Teras: Pengantarabangsaan

PENCAPAIAN KESELURUHAN



Bilangan KPI: 7

Teras: Pengantarabangsaan

OS :1 KETERLIHATAN ANTARABANGSA

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan MoU dan MoA aktif dengan institusi antarabangsa.	50	47
2	Bilangan pelajar mengikuti mobiliti antarabangsa (*Inbound*).	13	6
3	Bilangan pelajar mengikuti mobiliti antarabangsa (*Outbound*).	1	1
4	Bilangan Staf mengikuti mobiliti antarabangsa (*Inbound*).	32	8
5	Bilangan staf mengikuti mobiliti antarabangsa (*Outbound*).	10	10

OS 2 : PENJENAMAAN IMEJ SEBAGAI UNIVERSITI ANTARABANGSA

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan persatuan aumni dan rakan strategik antarabangsa.	13	15

OS 3 : PERSEKITARAN BERORIENTASI GLOBAL

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Jumlah aktiviti yang mempunyai penglibatan di peringkat antarabangsa di UniMAP.	5	18

Teras: Pengantarabangsaan

OS :1 KETERLIHATAN ANTARABANGSA

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan MoU dan MoA aktif dengan institusi antarabangsa.	50	47
CATATAN	Sasaran gagal dicapai berikutan pandemik COVID-19, majlis menandatangani MoU/MoA tidak dapat dilaksanakan berikutan penangguhan Majlis Konvokesyen universiti.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
2	Bilangan pelajar mengikuti mobiliti antarabangsa (*Inbound*)	13	6
3	Bilangan pelajar mengikuti mobiliti antarabangsa (*Outbound*)	1	1
4	Bilangan Staf mengikuti mobiliti antarabangsa (*Inbound*)	32	8
5	Bilangan staf mengikuti mobiliti antarabangsa (*Outbound*)	10	10
CATATAN	1. Sasaran ini gagal dicapai berikutan aktiviti mobiliti pelajar (*Inbound*) terhenti pada bulan Mac 2020 berikutan pelaksanaan PKP. Pintu masuk negara ditutup berikutan pandemik ini. 2. Namun begitu, program mobiliti secara maya telah dilaksanakan sebagai alternatif bagi kesinambungan program mobiliti antarabangsa (*Inbound*).		

OS 2 : PENJENAMAAN IMEJ SEBAGAI UNIVERSITI ANTARABANGSA

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan Persatuan Alumni dan Rakan Strategik Antarabangsa	13	15
CATATAN	Sasaran tercapai dengan kerjasama semua pihak yang terlibat.		



TERAS
LIBAT SAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Teras: Libat Sama dan Pembangunan Komuniti

PENCAPAIAN KESELURUHAN



Bilangan KPI: 9

Teras: Libat Sama dan Pembangunan Komuniti

OS 1 : PEMBUDAYAAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan aktiviti berkaitan promosi/kempen USR.	4	5
2	Bilangan penyertaan staf dan pelajar yang telah terlibat dalam aktiviti promosi/kempen.	1,200	2,303
3	Bilangan projek penyelidikan yang mempunyai elemen program pemindahan ilmu (KTP) untuk pelaksanaan USR.	16	16
4	Bilangan penyertaan staf dan pelajar dalam program USR.	5,400	2,217

OS 2 : PENGUPAYAAN KOMUNITI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan penyertaan ahli komuniti.	1,500	1,863
2	Bilangan program yang dilaksanakan.	150	62
3	Peratus pelaksanaan program pengajian yang terlibat dalam Program Sulam - Service Learning Malaysia University For Society.	40%	40.00%
4	Bilangan industri/agensi yang terlibat dengan program USR.	30	69
5	Bilangan dana yang diperolehi daripada industri/agensi.	RM50,000.00	RM436,381.00
6	Peratus peningkatan Indeks Kesejahteraan Komuniti (yang terlibat dalam aktiviti USR).	Data bagi 2020 belum ada. Pada bulan Februari/Mac 2021 kajian fasa ke2 akan dijalankan untuk proses pemantauan. Data akan diperolehi bermula tahun 2021.	

Teras: Libat Sama dan Pembangunan Komuniti

OS 1 : PEMBUDAYAAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
3	Bilangan projek penyelidikan yang mempunyai elemen program pemindahan ilmu (KTP) untuk pelaksanaan USR.	16	16
CATATAN	Secara keseluruhannya, 16 projek penyelidikan yang mempunyai elemen program pemindahan ilmu (KTP)untuk pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) telah dilaksanakan bagi tahun 2020. Antaranya adalah:Projek *University For Society* (U4S) di Pulau Tuba, Langkawi, Kedah iaitu Projek Digital Language E-Manual dan Projek Keusahawanan Digital, Projek penyelidikan dan keusahawanan iaitu Program *Developing Aquapreneurs Among Students* (Perikanan) & *Creating Agropreneurs Among HEI Students* (Cendawan*), Clinical Samples Arrival Alert System,* Perkhidmatan Tele-Kauseling kepada Masyarakat Awam, DIY *Face Shield For C19 Medical Front Liners, Covid Buster Robot, Covid-19 Mass*M*Quarasure, Covid-19 Medical Diagnostic Device, Edible Bird Nest- A Cure for Covid-19, Fabrication of Aerosol Box Proposal for Covid-19 Treatment Application, Foldable Intubation Hood, Protective Intubation Device,* Sistem Sanitasi Mudah Alih dan UniMAP *Geo-Location Based Attendance & Analytical System-Covid 19 Outbreak.*		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
4	Bilangan penyertaan staf dan pelajar dalam program USR.	5,400	2,217
CATATAN	Sasaran bilangan penyertaan staf dan pelajar dalam program tanggungjawab Sosial Universiti (USR) tidak tercapai pada tahun 2020 berikutan PKP. Hal ini menyebabkan program yang dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana memerlukan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP), penjarakan fizikal dan had kepada bilangan penyertaan peserta dalam usahapencegahan penularan wabak Covid-19 di kalangan komuniti.		

Teras: Libat Sama dan Pembangunan Komuniti

OS 1 : PEMBUDAYAAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL			
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
1	Bilangan aktiviti berkaitan promosi/kempen USR.	4	5
CATATAN	Aktiviti berkaitan mempromosi Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) kepada warga UniMAP diadakan untuk mendedahkan amalan terbaik yang diguna pakai dalam pelaksanaan program USR berimpak tinggi kepada komuniti. Antara aktiviti yang diadakan adalah Bengkel Amalan Terbaik (Fasa 1) dan Kursus Transformasi Minda.		

BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
2	Bilangan penyertaan staf dan pelajar yang telah terlibat dalam aktiviti promosi/kempen.	1,200	2,303
CATATAN	Penyertaan staf dalam Bengkel Amalan Terbaik (Fasa 1) dan Kursus Transformasi Minda telah membantu mempromosikan amalan terbaik yang diguna pakai dalam pelaksanaan program USR berimpak tinggi kepada komuniti selaras dengan hasrat UniMAP dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu 'Universiti Untuk Masyarakat'.		

Teras: Libat Sama dan Pembangunan Komuniti

OS 2 : PENGUPAYAAN KOMUNITI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Bilangan penyertaan ahli komuniti.	1,500	1,863
CATATAN	Penyertaan komuniti dalam program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) mengamalkan kebiasaan baharu melalui penganjuran program secara dalam talian atau diadakan secara langsung dalam media sosial (*Facebook Live, Webinar* dan lain-lain) untuk memberi pengetahuan tanggungjawab sosial kepada komuniti.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
2	Bilangan program yang dilaksanakan.	150	62
CATATAN	Sasaran program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) tidak tercapai pada tahun 2020 berikutan pelaksanaan bagi program USR memerlukan penjarakan fizikal, tiada perhimpunan orang-ramai (Mass gathering) dan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang disarankan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)/Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Secara amnya, pelaksanaan program USR akan lebih efektif secara bersemuka bersama komuniti bagi mencapai tujuan dan objektif program.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
3	Peratus pelaksanaan program pengajian yang terlibat dalam Program Sulam - Service Learning Malaysia University For Society	40%	40.00%
CATATAN	Pelaksanaan program pengajian dalam program *Service Learning Malaysia University For Society* (SULAM) bagi tahun 2020 telah mencapai sasaran iaitu sebanyak 40% melalui kaedah pembelajaran SULAM yang menggabungkan objektif pembelajaran dengan khidmat komuniti bagi menyelesaikan permasalahan sebenar komuniti. Pelaksanaan SULAM telah memberi peluang kepada pelajar untuk membangunkan kehidupan komuniti yang lebih sejahtera yang akhirnya melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan.		

Teras: Libat Sama dan Pembangunan Komuniti

OS 2 : PENGUPAYAAN KOMUNITI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
4	Bilangan industri/agensi yang terlibat dengan program USR.	30	69
CATATAN	Sasaran penglibatan agensi dan industri dalam program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) tercapai kerana program yang telah dilaksanakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)/Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Penglibatan sektor industri/agensi telah menunjukkan pihak tersebut saling menyokong terhadap program USR anjuran universiti. Objektif ini juga menepati hasrat KPT iaitu "Universiti Untuk Masyarakat" di mana kolaborasi antara universiti dengan industri/agensi akan menjadi pemangkin kepada kerjasama universiti dan industri pada masa hadapan.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
5	Bilangan dana yang diperolehi daripada industri/agensi	RM50,000.00	RM436,381.00
CATATAN	Sumber penajaan yang diperolehi daripada industri/agensi sebagai rakan strategik bagi setiap program USR dapat membantu kelancaran pelaksanaan dan bagi mencapai objektif program USR.		



TERAS KECEMERLANGAN BAKAT

Teras: Kecemerlangan Bakat

PENCAPAIAN KESELURUHAN



Bilangan KPI: 5

Teras: Kecemerlangan Bakat

OS 1 : BAKAT UNGGUL YANG MEMACU HALA TUJU UNIVERSITI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Peratus (%) Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik) yang mencapai set kompetensi yang ditetapkan berteraskan CBTM.	50%	31.97%
2	Peratus (%) Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pentadbir Profesional) yang mencapai set kompetensi yang ditetapkan berteraskan CBTM.	80%	50.00%
3	Peratus (%) Staf Pelaksana yang mencapai set kompetensi yang ditetapkan berteraskan CBTM.	70%	49.93%
4	Peratus (%) Staf Akademik yang berada di dalam kelompok bakat (Talent Pool) universiti.	50%	0
5	Peratus (%) Staf Pentadbir Profesional yang berada di dalam kelompok bakat (Talent Pool) universiti.	50%	0
CATATAN	1. Objektif strategik tidak menggambarkan dengan jelas halatuju teras. 2. Set Kompetensi masih dalam proses pembangunan dan beberapa kompetensi belum dikemas kini (Latihan berteraskan Kompetensi hanya dilaksanakan secara minimum/tidak dapat dilaksanakan). 3. OD KPI yang kurang jelas dan bergantung kepada Sistem CBTM. 4. KPI tidak boleh diukur dan dicapai secara realistik.		



TERAS
PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

Teras: Pemantapan Infrastruktur

PENCAPAIAN KESELURUHAN



Bilangan KPI: 15

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS 1: TRANSFORMASI DIGITAL BERSEPADU

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Peratus peningkatan akses kelajuan internet tinggi 5Gbps hingga 10Gbps.	100%	100.00%
2	Peratus server pangkalan data dan server aplikasi yang dimigrasi ke perkhidmatan awan.	100%	80.00%
3	Peratus peningkatan rangkaian internet kampus.	75%	35.00%
4	Bilangan proses kerja dan perkhidmatan staf di PTJ didigitalkan.	3	4
5	Bilangan proses kerja dan perkhidmatan pelajar didigitalkan.	3	4
6	Bilangan proses kerja pembangunan bakat didigitalkan.	3	3
7	Bilangan sistem/aplikasi/modul operasi UniMAP didigitalkan.	3	4
8	Bilangan perkhidmatan *online payment/cashless.*	2	0

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS 2 : KESEJAHTERAAN WARGA UNIVERSITI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Peratus pembangunan Pusat Komuniti Pelajar.	50%	40.00%
2	Bilangan laluan khas OKU, parking mesra OKU, tandas OKU, fasiliti interkom.	2	1
3	Peratus penyampaian sistem pemantauan menggunakan *GPS Location*	100%	20.00%
4	Bilangan sistem kawalan di setiap pintu masuk kampus.	1	1

OS 3 : KAMPUS LESTARI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Peratus pengurangan penggunaan tenaga elektrik.	2%	6.00%
2	Bilangan penanaman pokok di kampus.	150	150
3	Nilai berat sampah yang tidak dihantar ke *landfill.*	3,300 kg	7.6 tan

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS 1: TRANSFORMASI DIGITAL BERSEPADU

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Peratus peningkatan akses kelajuan internet tinggi 5Gbps hingga 10Gbps	100%	100.00%
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI ini telah tercapai 100% di mana naik taraf capaian talian internet dari kelajuan lebar jalur 2Gbps kepada kelajuan 10Gbps telah dilaksanakan pada 31 Oktober 2020. Proses menaik taraf dan pemasangan talian ini dibahagikan kepada dua bahagian / lokasi utama iaitu : • Internet 10Gbps – Pusat Data ICT Pauh Putra • Point-to-Point 1Gbps – menghubungkan rangkaian antara Bilik Telco ICT kampus Kubang Gajah dengan Bilik Telco, Pusat Data ICT Kampus Pauh Putra Proses pemasangan capaian Metro-E 1Gbps bermula dengan analisis keperluan kelajuan dan kapasiti penggunaan Internet di Kampus UniMAP. Seterusnya, projek dilaksanakan dengan pemasangan dan pelaksanaan talian optik fiber *backhaul* dan *trunk* dari Pusat Data DMDC ke Node ISP Telekom Malaysia. Seterusnya, pihak ISP TM mengkonfigurasi *CPE Primary* dan *CPE Backup* bagi talian internet serta integrasi ke rangkaian kampus UniMAP Kubang Gajah. Proses pengujian talian dilakukan bagi memastikan talian *point-to-point* telah mematuhi keperluan kelajuan lebar jalur 1Gbps serta memastikan talian Internet ini stabil dan dapat digunakan oleh pengguna (staf dan pelajar).		

Teras: Pemantapan Infrastruktur

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
2	Peratus server pangkalan data dan server aplikasi yang dimigrasi ke perkhidmatan awan.	100%	80.00%
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan iaitu 100%, namun atas inisiatif yang telah dilaksanakan, DMDC telah mencapai sebanyak 55% daripada keseluruhan proses menaik taraf server pangkalan data dan server aplikasi ke perkhidmatan awan (*cloud*). Proses menaik taraf ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu Pemindahan Pusat Data Pauh dan Pemindahan Pusat Pemulihan Bencana Kubang Gajah yang melibatkan beberapa fasa bagi setiap bahagian iaitu: 1. Bahagian 1: Pemindahan Pusat Data Pauh (55%) – Sehingga 17 November 2020. 2. Bahagian2: Pemindahan Pusat Pemulihan Bencana Kubang Gajah (Bermula Februari 2021).		

Teras: Pemantapan Infrastruktur

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
3	Peratus peningkatan rangkaian internet kampus.	75%	35.00%
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI tidak dapat dicapai sepenuhnya pada tahun 2020, namun 25% dapat dicapai pada 2020 di sebabkan inisiatif ini masih di peringkat penilaian teknikal keseluruhan reka bentuk rangkaian SDN kampus UniMAP. Proses pelaksanaan data teknikal keperluan pengguna dan kejuruteraan trafik rangkaian SDN telah dilakukan dan telah mencapai 100% siap. Seterusnya, proses penilaian teknikal peralatan rangkaian SDN yang memerlukan vendor menyediakan *Demo / Proof of Concept (POC)* reka bentuk peralatan SDN akan dilaksanakan akan bermula dari bulan Disember 2020 hingga Februari 2021. Untuk fasa *Demo / POC* pihak DMDC akan mempelawa kesemua vendor untuk menunjukkan prestasi dan kebolehan peralatan rangkaian SDN masing-masing.		

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS 1: TRANSFORMASI DIGITAL BERSEPADU

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
4	Bilangan proses kerja dan perkhidmatan staf di PTJ didigitalkan.	3	4
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI telah tercapai; tahun 2020 mensasarkan 3 proses kerja dan perkhidmatan staf di PTJ didigitalkan, namun kerjasama dan sokongan yang mantap daripada pihak pengurusan dan pelaksana telah menyumbang kepada penyiapan 4 modul pada tahun 2020. Kesemua modul ini memenuhi kehendak pengguna dan menyumbang kepada pendigitalan proses kerja di UniMAP. Modul tersebut ialah : i. Modul kenaikan pangkat bagi staf akademik. ii. Modul permohonan jawatan iii. File and Record System Versi 2 (responsive) iv. UniSIS - Staff Information System		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
5	Bilangan proses kerja dan perkhidmatan pelajar didigitalkan.	3	6
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI ini telah tercapai di mana tahun 2020 mensasarkan 3 proses kerja dan perkhidmatan pelajar di PTJ ddidigitalkan, namun kerjasama dan sokongan yang mantap daripada pihak pengurusan dan pelaksana menyumbang kepada penyiapan 6 modul pada tahun 2020. Kesemua modul ini memenuhi kehendak pengguna dan menyumbang kepada pendigitalan proses kerja di UniMAP. 6 modul tersebut ialah: i. Pendigitalan proses penghantaran tesis bagi mod penyelidikan ii. Pendigitalan proses bagi tempoh pencalonan pelajar (*candidature matters*) *iii. Online Postgraduate System (responsive)* iv. Pendigitalan proses Modul COVID19/KEMBALI ASRAMA- bagi sistem maklumat kediaman pelajar v. Sistem E-PORTFOLIO (E-NICE5) vi. Sistem eVerifikasi		

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS 1: TRANSFORMASI DIGITAL BERSEPADU

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
6	Bilangan proses kerja pembangunan bakat didigitalkan.	3	3
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI telah tercapai; tahun 2020 mensasarkan pembinaan 3 modul. Sistem CBTM ini telah digunakan untuk menilai kompetensi akademik dalam kalangan pensyarah di UniMAP. Antara modul yang dibangunkan dalam sistem ini adalah modul penilaian kompetensi akademik pensyarah, iaitu penilai boleh menilai pensyarah-pensyarah di UniMAP mengikut set kompetensi yang telah ditetapkan. Selain itu, modul keputusan penilaian juga telah dibangunkan, iaitu pengguna boleh melihat keputusan penilaian kompetensi mengikut taraf capaian pengguna seperti yang telah ditetapkan. Modul ketiga pula melibatkan pembangunan panel *dashboard* yang memberi laporan secara infografik mengenai maklumat kakitangan mengikut jabatan.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
7	Bilangan sistem/aplikasi/modul operasi UniMAP didigitalkan.	3	3
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI telah tercapai; tahun 2020 mensasarkan 3 aplikasi maklumat, kawalan dan pemantauan berkaitan program akademik dan pengembangan staf dapat didigitalkan. Kerjasama dan sokongan yang mantap daripada pihak pengurusan dan pelaksana menyumbang kepada pembangunan 3 modul pada tahun 2020. Ketiga-tiga modul ini memenuhi kehendak pengguna di UniMAP dan menyumbang kepada pendigitalan proses kerja. 3 modul tersebut ialah : i. GPS Location for attendance (eHadir) ii. eMesyuarat iii. Photo Gallery		

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS 1: TRANSFORMASI DIGITAL BERSEPADU

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
8	Bilangan perkhidmatan *online payment/cashless.*	2	0
CATATAN	Hal ini melibatkan proses pembayaran yuran pelajar dan denda Jabatan Keselamatan terhadap pelajar. Pada tahun 2020, hanya 80% daripada sistem ini dapat disiapkan; sistem ini dapat dilayari di epay.unimap.edu.my. Punca utama kelewatan ini adalah kerana proses UAT antara sistem UniMAP dan sistem Paynett terpaksa melalui masa yang panjang dan sangat kritikal. Hal ini bagi memastikan keselamatan sistem epay UniMAP berada pada tahap yang telah ditentukan oleh pihak Paynett. Sistem ini dijangka boleh digunakan oleh para pelajar pada semester ke 2 sesi 2020/2021 yang akan bermula pada Mac 2021. Sistem pembayaran ini direka bentuk dengan mempunyai 2 modul utama iaitu melibatkan modul kenal pasti jenis yuran dan modul pembayaran. Secara umumnya pelajar yang mempunyai akaun di mana-mana bank di Malaysia boleh terus membayar yuran mahupun bayaran denda kepada UniMAP melalui sistem ini secara dalam talian. Kaedah pembayaran dalam talian ini boleh dibahagikan kepada 2 iaitu melalui sistem FPX atau menggunakan kad kredit (VISA/Master Card).		

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS 2 : KESEJAHTERAAN WARGA UNIVERSITI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Peratus pembangunan Pusat Komuniti Pelajar.	50%	40.00%
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI tidak dapat dicapai kerana bajet pembangunan bagi pusat ini tidak diperolehi. Walau bagaimanapun Jabatan Pembangunan mengambil inisiatif membuat pembaikan di Pusat Komuniti Pelajar sedia ada. Antara cadangan lain ialah menukar fungsi surau UniMAP menjadi pusat komuniti pelajar apabila masjid UniMAP siap nanti.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
2	Bilangan Laluan khas OKU, parking mesra OKU, tandas OKU, fasiliti interkom	2	1
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI tidak dapat dicapai disebabkan kekurangan bajet untuk menambah bilangan laluan khas OKU dan kelewatan mengeluarkan “PO” untuk pemasangan fasiliti interkom. Untuk parking mesra OKU dan tandas OKU, ianya telah disediakan di bangunan sedia ada. Jabatan Pembangunan juga telah mengambil kira keperluan tempat letak kereta dan tandas OKU untuk bangunan baharu.		

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS 2 : KESEJAHTERAAN WARGA UNIVERSITI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
3	Peratus penyampaian sistem pemantauan menggunakan *GPS Location.*	100%	20.00%
CATATAN	Sistem pemantauan mengunakan kaedah GPS ini berfungsi bagi menyediakan satu sistem bagi Pengawal Keselamatan menjalankan rondaan di bangunan - bangunan dalam kawasan kampus Pauh Putra yang telah ditetapkan koordinatnya. Secara keseluruhannya KPI tidak dapat dicapai disebabkan kekangan tugas dan masa pegawai berkenaan yang menguruskan sistem lain. Walau bagaimanapun sistem ini masih dalam proses penyiapan dan dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2021.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
4	Bilangan sistem kawalan di setiap pintu masuk kampus	1	1
CATATAN	Sistem ini adalah kerjasama diantara Jabatan Pembangunan, CoE CEASTEC, Pusat Digital dan Jabatan Pembangunan dimana sistem ini menggunapakai teknologi RFID dalam pengecaman kenderaan yang masuk dan keluar ke dalam kampus UniMAP Pauh Putra. Secara keseluruhannya KPI tidak dapat dicapai kerana faktor – faktor seperti berikut: i. Kos luar jangka sebagai contoh komputer rosak yang perlu dibaiki ii. Sistem ini memerlukan warga kampus membeli pelekat kenderaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan. Tag RFID akan diberikan secara percuma kepada pembeli pelekat kenderaan iii. Infrastruktur di laluan RFID tidak lengkap sepenuhnya		

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS 3 : KAMPUS LESTARI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Peratus pengurangan penggunaan tenaga elektrik.	2%	25.6%
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI tercapai. Pengurangan penggunaan tenaga elektrik diperolehi dengan melaksanakan langkah-langkah penjimatan tenaga elektrik di semua bangunan pusat pengajian Kampus Pauh Putra, seperti pemasangan sensor lampu, penggunaan lampu LED, kempen penggunaan tenaga, dan lain-lain. Data penggunaan elektrik direkodkan pada setiap bulan. Peratusan pula dikira dengan menggunakan data penggunaan elektrik pada tahun 2017 sebagai ukuran dasar. Pada tahun 2020, Ir. Tunku Muhammad Nizar telah dilantik sebagai Pengurus Tenaga Elektrik (REEM) Universiti Malaysia Perlis. Di samping itu, lampu-lampu tandas di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra telah dilengkapi penderia pergerakan atau *motion sensor*. Penderia ini akan memastikan lampu tandas dibuka dan ditutup secara automatik. Untuk memastikan warga UniMAP cakna dengan amalan kelestarian penggunaan elektrik sesi taklimat telah dilaksanakan oleh Pusat Pengurusan Tenaga dan Kampus Lestari. Jadual berikut menunjukkan peratusan pengurangan tenaga elektrik di Kampus Alam UniMAP Pauh Putra pada tahun 2020. Sasaran telah diletakkan pada 2% pada setiap suku tahunan dan telah dicapai. Peratus pengurangan tenaga elektrik telah meningkat sehingga 52.9% pada suku kedua. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac 2020, diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat pada 4 Mei 2020 dan Perintah Kawalan Pemulihan pada 10 Jun 2020. Kesan yang amat ketara dilihat pada suku kedua kerana universiti tidak beroperasi.		

TEMPOH	JAN – MAC	APR – JUN	JULAI – SEP	OKT - DIS
Jumlah tenaga elektrik pada 2017	2,854,924 kWh	3,003,909 kWh	2,787,151 kWh	3,237,580 kWh
Jumlah tenaga elektrik pada 2020	2,682,552 kWh	1,415,004 kWh	2,223,987 kWh	2,407,718 kWh
Peratus penjimatan	6.03%	52.9 %	20.2 %	25.6 %

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS 3 : KAMPUS LESTARI			
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
2	Bilangan penanaman pokok di kampus.	150	150
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI tercapai, ke semua tanaman angkat pokok mangga harum manis telah ditanam.		
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
3	Nilai berat sampah yang tidak dihantar ke *landfill.*	3,300 kg	7.6 tan
CATATAN	Secara keseluruhannya KPI tercapai. Pada tahun 2020, berat sampah yang tidak dihantar ke tapak pelupusan adalah 7.6 tan. Kutipan barangan kitar semula telah diadakan melalui program *Recycle For Life*, satu program kerjasama UniMAP dengan E-Idaman Sdn. Bhd. Melalui program ini kutipan barangan kitar semula telah dilaksanakan secara berkala. Selain daripada itu, taklimat cara untuk kitar semula juga telah dilaksanakan sepanjang tahun.		



UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

TERAS KELESTARIAN KEWANGAN

Teras: Kelestarian Kewangan

PENCAPAIAN KESELURUHAN



Bilangan KPI: 9

Teras: Kelestarian Kewangan

OS 1: ENDOWMEN DAN WAKAF UNTUK KEMAKMURAN UNIVERSITI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Nilai wakaf/endowmen yang diperolehi.	RM250,000.00	RM72,788.11
2	Nilai penamaan PTJ.	RM250,000.00	RM0.00
3	Nilai pulangan pelaburan daripada wakaf & endowmen.	RM20,000.00	RM5,554.96
4	Nilai pendapatan yang diperolehi.	RM5,000.00	RM2,458.00

OS 2 : DANA KEUSAHAWANAN PELAJAR

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Nilai dana yang diperolehi.	RM35,000.00	RM329,350.00

OS 3 : KEWANGAN MAMPAN

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Nilai (RM) pulangan pelaburan (kasar).	RM500,000.00	RM8,640,837.31
2	Peratus penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus yang ditetapkan.	21%	15.73%
3	Nilai kutipan yang tertunggak.	RM8,784,000.00	RM12,899,195.42
4	Nilai (RM) penjanaan pendapatan (kasar).	RM180,000.00	RM172,256.90

Teras: Kelestarian Kewangan

OS 1 : ENDOWMEN DAN WAKAF UNTUK KEMAKMURAN UNIVERSITI

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Nilai wakaf/endowmen yang diperolehi.	RM250,000.00	RM72,788.11
CATATAN	1. Keterbatasan pergerakan untuk bersemuka dengan syarikat-syarikat/yayasan/individu yang berpotensi. 2. Kesedaran dalam kalangan staf/alumni/orang luar tentang kepentingan berwakaf masih lagi sederhana. 3. Aktiviti promosi yang kurang dan tidak berfokus. Baru sahaja bermula secara konsisten pada Julai 2020. 4. Penglibatan daripada ketua-ketua Pusat Tanggungjawab yang kurang (*networking*).		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
2	Nilai penamaan PTJ.	RM250,000.00	RM0.00
CATATAN	Keterbatasan pergerakan untuk Pusat Tanggungjawab bersemuka dengan syarikat/individu yang berpotensi.		

Kedua-dua KPI ini digugurkan dan digantikan dengan KPI Baharu. Data bagi kedua-dua KPI tersebut didapati bertindih. Maka KPI baharu diganti iaitu KPI Nilai penerimaan hadiah dengan sasaran bagi tahun 2021 sebanyak RM1 Juta.

Teras: Kelestarian Kewangan

OS 1 : ENDOWMEN DAN WAKAF UNTUK KEMAKMURAN UNIVERSITI			
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
3	Nilai pulangan pelaburan daripada wakaf & endowmen.	RM20,000.00	RM5,554.96
CATATAN	1. Hasil pulangan pelaburan hanya daripada faedah akaun semasa (FD). 2. Portfolio pelaburan belum diwujudkan. 3. Tiada aktiviti pelaburan dijalankan menggunakan dana yang terkumpul.		
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
4	Nilai pendapatan yang diperolehi.	RM5,000.00	RM2,458.00
CATATAN	1. Platform sedia ada tidak mesra pengguna, perlu ditambah baik sistem. 2. Promosi terbatas kepada laman web *crowdfunding* sahaja.		

Teras: Kelestarian Kewangan

OS 2 : DANA KEUSAHAWANAN PELAJAR			
BIL	**KPI**	**SASARAN 2020**	**PENCAPAIAN**
1	Nilai dana yang diperolehi.	RM35,000.00	RM329,350.00
CATATAN	Pembentangan dilakukan oleh UniMAP kepada Kementerian Pendidikan Tinggi/sumber luar yang berteraskan, inovasi, teknologi dan kepakaran sedia ada.		

Teras: Kelestarian Kewangan

OS 3 : KEWANGAN MAMPAN

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
1	Nilai (RM) pulangan pelaburan (kasar).	RM500,000.00	RM8,640,837.31
CATATAN	1. Disebabkan oleh penurunan kadar keuntungan/faedah yang diberikan oleh pihak bank berikutan arahan/polisi daripada Bank Negara Malaysia. 2. Portfolio pelaburan di UniMAP belum diwujudkan. Sehingga kini, pelaburan hanya bergantung kepada pulangan *fixed deposit* sahaja.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
2	Peratus penjanaan pendapatan sendiri berbanding dengan jumlah perbelanjaan mengurus yang ditetapkan.	21%	15.73%
CATATAN	1. Penurunan dalam hasil Universiti akibat pengurangan yuran, kadar keuntungan/faedah yang diberikan oleh pihak bank berikutan arahan/polisi daripada Bank Negara Malaysia. 2. Tiada unit yang khusus untuk memantau dan menyelaras penjanaan kewangan Universiti secara keseluruhannya.		

Teras: Kelestarian Kewangan

OS 3 : KEWANGAN MAMPAN

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
3	Nilai kutipan yang tertunggak.	RM8,784,000.00	RM12,899,195.42
CATATAN	Pemantauan dan sistem kutipan hutang Universiti yang belum sistematik.		

BIL	KPI	SASARAN 2020	PENCAPAIAN
4	Nilai (RM) penjanaan pendapatan (kasar)	RM180,000.00	RM172,256.90
CATATAN	1. PDCE mula beroperasi pada April 2020. Produk perkhidmatan yang ditawarkan oleh PDCE masih lagi tidak mapan. 2. Aktiviti sewaan fasiliti dan penganjuran kursus/program terganggu disebabkan pandemik COVID19.		

UniMAP 2025
TAHUN 2 (2021)
FASA II
(2020-2022)


TERAS
AKADEMIK

Teras: Akademik

Teras Akademik merupakan tunjang utama atau *core business* sesebuah universiti. Agenda akademik ialah agenda yang sangat penting dan berimpak tinggi terutamanya bagi sesebuah universiti seperti UniMAP. Sesuai dengan peranan tersebut, Teras Akademik perlu memastikan semua program akademik yang dilaksanakan sentiasa mengikuti keperluan industri dan mendapat pengiktirafan untuk melahirkan siswazah yang bersifat holistik, berdaya saing dan bijak meneroka peluang baharu.

Sehubungan dengan itu, beberapa objektif strategik (OS) telah dikenal pasti bagi menyokong hasrat Teras Akademik. Kesemua OS ini mempunyai KPI yang spesifik untuk membolehkan pencapaian setiap objektif dinilai.

OS 1 Program TVET yang unggul
OS 2 Kerangka Pendidikan Anjal UniMAP (UniMAP *Flexible Education Framework*)
OS 3 Ekosistem akademik yang mampan

Teras: Akademik

OS1: Program TVET yang unggul

Sebagai universiti yang memainkan peranan yang utama dalam mengarusperdanakan Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET), UniMAP optimis serta yakin segala cabaran untuk mentransformasi sistem pendidikan secara berterusan mampu dilaksana dengan memberi tumpuan kepada sembilan (9) KPI:

KPI

1. Peratusan tenaga pengajar yang mengikuti program *reskilling/ upskilling*.
2. Bilangan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang dianjurkan.
3. Bilangan peserta program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).
4. Peratusan kursus yang mempunyai elemen keusahawanan berasaskan teknologi dalam kurikulum.
5. Peratusan program TVET yang ditawarkan di UniMAP.
6. Bilangan kursus yang terlibat dengan *University Revolution Teaching Factory* (URTF).
7. Bilangan pelajar yang mengikuti kursus di URTF.
8. Bilangan aktiviti di *Centre of Technology* (COT).
9. Bilangan aktiviti libatsama dengan rakan strategik dan komuniti TVET antarabangsa.

Inisiatif Utama

1. Memperkasakan penawaran program - program yang berfokuskan TVET.
2. Meningkatkan kompetensi tenaga pengajar.
3. Menerapkan ekosistem industri dalam kampus.
4. Mencapai tahap kualiti standard program TVET setara dengan kualiti penawaran program pendidikan TVET luar negara yang berkualiti.
5. Menerapkan elemen keusahawanan berasaskan teknologi dalam kurikulum.
6. Menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH).
7. Penglibatan peserta dalam program pembelajaran sepanjang hayat (PSH).

Teras: Akademik

OS2: Kerangka Pendidikan Anjal UniMAP (UniMAP *Flexible Education Framework*)

Pendidikan secara anjal/fleksibel yang membolehkan sistem pendidikan direka bentuk semula seiring dengan perkembangan teknologi semasa dilihat antara langkah yang akan mencorakkan masa depan pendidikan tinggi negara. Kehidupan masyarakat pada hari ini telah banyak berubah dan perubahan tersebut turut mempengaruhi sistem pendidikan di negara ini khususnya pengajian tinggi. Kepesatan dalam era teknologi membolehkan pelajar menentukan bidang yang hendak mereka pelajari, serta masa dan tempat di mana mereka hendak belajar.

KPI

1. Peratusan kursus yang menepati Kerangka Pendidikan Anjal UniMAP.
2. Bilangan inisiatif yang menepati Kerangka Pendidikan Anjal UniMAP.
3. Bilangan program pengajian dalam talian sepenuhnya.

Inisiatif Utama

1. Mengukuhkan kurikulum dengan elemen Pendidikan Anjal UniMAP.
2. Menawarkan kursus yang berteraskan Kerangka Pendidikan Anjal UniMAP
3. Menawarkan program yang berteraskan Kerangka Pendidikan Anjal UniMAP.

Teras: Akademik

OS3: Ekosistem akademik yang mampan

Ekosistem akademik merujuk kepada sistem berintegrasi yang menggambarkan saling kebergantungan antara komuniti universiti dengan sistem sokongan serta faktor persekitaran seperti infrastruktur dan kemudahan. Persekitaran akademik yang kondusif bagi proses pengajaran dan pembelajaran sangat penting. Ia memastikan kecekapan dan keberkesanan ahli akademik mengekalkan prestasi akademik yang cemerlang dan meningkatkan persefahaman kerjasama serta daya saing sihat dalam kalangan ahli. Tiga belas (13) KPI adalah berkaitan dengan OS ini.

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

1. Bilangan tenaga pengajar yang mendapat kelayakan profesional.
2. Bilangan tenaga pengajar yang mempunyai sijil kompetensi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. Bilangan program kerjasama yang dilaksanakan dengan institusi dalam dan luar negara.
4. Peratusan program akademik yang mendapat akreditasi dan diiktiraf oleh badan/agensi profesional berkaitan.
5. Peratusan kepuasan staf terhadap ekosistem pengajaran dan pembelajaran di UniMAP.
6. Peratusan kepuasan pelajar terhadap ekosistem pengajaran dan pembelajaran di UniMAP.
7. Bilangan tenaga pakar dari industri/agensi yang menyumbang kepada penambahbaikan kualiti akademik untuk program prasiswazah dan pascasiswazah.
8. Peratusan pelajar yang berjaya mendaftar untuk mengikuti pengajian pada peringkat prasiswazah.
9. Bilangan pelajar yang berjaya mendaftar untuk mengikuti pengajian pada peringkat pascasiswazah.
10. Bilangan bahan promosi secara fizikal dan digital.
11. Bilangan program baharu peringkat Sarjana (Mod Campuran dan Kerja Kursus).
12. Peratusan pelajar pascasiswazah yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGOT) di universiti.
13. Peratusan pelajar pascasiswazah yang berhenti pada tahun pertama pengajian.

Teras: Akademik

Inisiatif Utama

1. Meningkatkan kualiti profesionalisme tenaga pengajar.
2. Meningkatkan kualiti kompetensi tenaga pengajar.
3. Menawarkan program-program kerjasama (*collaborative programmes*).
4. Menawarkan kurikulum yang memenuhi keperluan piawai kecemerlangan pengukuran antarabangsa.
5. Menyediakan ekosistem kondusif yang menyokong Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di UniMAP.
6. Memperbanyakkan jaringan dan kerjasama dengan industri bagi memperkukuhkan kurikulum sedia ada (*industry ready*).
7. Mengadakan promosi secara bersasar dengan mengenalpasti *feeder* pada peringkat matrikulasi, STPM dan Diploma.
8. Memperkasakan aktiviti promosi melalui media sosial.
9. Memperbanyakkan hebahan secara berkala kepada golongan sasaran.
10. Menawarkan program Sarjana yang relevan dan diperlukan untuk meningkatkan enrolmen dan kemasukan pelajar.
11. Meningkatkan peratusan pelajar yang mencapai iGOT dalam kalangan pelajar pascasiswazah.
12. Mengurangkan kadar keciciran (*attrition rate*) dalam kalangan pelajar pascasiswazah.



TERAS
PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

Teras: Penyelidikan, Inovasi Dan Pengkomersialan

Teras penyelidikan dan inovasi mempunyai peranan penting di universiti di samping pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan dan inovasi yang komprehensif, yang mempunyai nilai pengetahuan intrinsik dan tradisi intelektual yang pelbagai amatlah penting bagi sesebuah universiti. Hasil penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan menyumbang kepada pembangunan dan daya saing Negara. Melalui hasil ini juga, keterlihatan dan daya saing universiti dapat dilihat melalui pencapaiannya dalam sistem pengukuran tempatan dan antarabangsa seperti *Malaysia Research Assessment* (MyRA), *Times Higher Education* (THE), *Quacquarelli Symonds* (QS) dan sebagainya. Penyelidikan dan inovasi yang menjurus ke arah revolusi industri (IR 4.0) amatlah ditekankan supaya selari dengan penyelidikan bertaraf antarabangsa. Pada masa yang sama, sumbangan aktiviti penyelidikan kepada pembangunan komuniti setempat dan wilayah tidak kurang pentingnya, mengambil kira peranan besar yang dimainkan oleh universiti dalam agenda tersebut. Tiga (3) objektif strategik utama dikenal pasti dalam usaha memacu ke arah penyelidikan dan inovasi yang mampan serta kompetitif.

OS1 Memperkasakan impak penyelidikan di persada antarabangsa
OS2 Ekosistem penyelidikan untuk masa depan
OS3 Pemacu inovasi dan impak kepada komuniti

Kesemua OS akan dipacu oleh beberapa KPI pada peringkat nasional dan antarabangsa. 12 KPI utama telah ditetapkan sebagai pengukuran pencapaian ketiga-tiga OS tersebut. Selain itu, lapan (8) KPI telah ditetapkan pada peringkat pusat sebagai *Minister Performance Indicator* (MPI) dan untuk tujuan *Outcome-Based Budgeting.*

Teras: Penyelidikan, Inovasi Dan Pengkomersialan

OS1: Memperkasakan impak penyelidikan di persada antarabangsa

UniMAP mensasarkan untuk berada pada tahap 500 universiti di dunia dan pada tangga ke 200 universiti di Asia. Penyelidikan berkualiti tinggi dan yang mempraktikkan seluruh disiplin ilmu yang diwakili oleh pusat kecemerlangan, institut dan fakulti adalah penting untuk memastikan universiti melaksanakan penyelidikan bertaraf antarabangsa. Kemajuan dan prestasi universiti bagi OS ini dapat diukur dan dipacu oleh empat (4) KPI yang telah ditetapkan melalui pelaksanaan beberapa inisiatif utama.

KPI

1. Bilangan kolaborasi penyelidikan dengan institusi antarabangsa.
2. Bilangan projek penyelidikan antarabangsa.
3. Bilangan penganjuran seminar antarabangsa.
4. Penerbitan yang dihasilkan:
    i. Bilangan penerbitan berindeks
    ii. Bilangan penerbitan berkualiti dalam artikel berindeks WOS (Q1/Q2)
    iii. Bilangan penerbitan buku dan bab buku penyelidikan
    iv. Bilangan penerbitan lain (polisi, jurnal tak-berindeks, artikel di majalah, akhbar dan media digital)
    v. Bilangan sitasi

Inisiatif Utama

1. Memastikan pencapaian dan keterampilan UniMAP dalam sistem penarafan universiti pada peringkat tempatan dan antarabangsa.
2. Mengutamakan kolaborasi antarabangsa yang memberi impak di persada antarabangsa.
3. Melonjakkan penerbitan dan sitasi berimpak tinggi ke persada antarabangsa.

Teras: Penyelidikan, Inovasi Dan Pengkomersialan

OS2: Ekosistem penyelidikan untuk masa depan

Objektif ekosistem penyelidikan untuk masa depan bertujuan untuk memperkukuh agenda penyelidikan dan inovasi, khususnya menjana persekitaran yang kondusif dan responsif untuk merealisasikan budaya penyelidikan kreativiti dan inovasi yang mantap dan berterusan. Hal ini amatlah penting bagi keperluan generasi penyelidik pada masa depan serta kesiapsiagaan negara untuk menjadi negara yang benar-benar ke hadapan sebagai pemangkin penyelidikan dan inovasi global. Objektif ini diukur melalui empat (4) KPI bagi memacu kelestarian ekosistem penyelidikan. Peningkatan bilangan penyelidik utama, penambahan bilangan pascadoktoral, pengiktirafan makmal berakreditasi dan peningkatan bilangan perolehan geran akan menyokong pembangunan dan pengukuhan ekosistem yang mampan, menyemarakkan budaya keunggulan penyelidikan serta menyumbang kepada pembangunan ilmu menerusi penyelidikan berimpak tinggi.

KPI

1. Bilangan makmal/perkhidmatan makmal berakreditasi.
2. Bilangan pascadoktoral.
3. Bilangan staf yang menjadi Penyelidik Utama (PI).
4. Jumlah (RM) perolehan geran

Inisiatif Utama

1. Melahirkan penyelidik yang menghasilkan penyelidikan untuk masa hadapan.
2. Meningkatkan pembiayaan penyelidikan.
3. Mengukuhkan infrastruktur untuk kecemerlangan penyelidikan pada masa hadapan.

Teras: Penyelidikan, Inovasi Dan Pengkomersialan

OS3: Pemacu inovasi dan impak kepada komuniti

Objektif pemacu inovasi dan impak kepada komuniti bertujuan untuk melonjakkan penyelidikan dan inovasi universiti yang melibatkan, dan memberi kesan kepada *quintuple helix,* `iaitu kerajaan, masyarakat, akademia, industri dan alam sekitar. Fokus terhadap penyelidikan tranlasional akan menyumbang kepada penyelesaian masalah serta pembangunan penyelidikan kepada negara amnya serta universiti khususnya melalui kepakaran para penyelidik universiti. Penyelidikan translasional mampu untuk memperkasa bakat dalam membudayakan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan penyelidik UniMAP agar dapat mencapai penyelidikan global selaras dengan lonjakan ketujuh dan kelapan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) (PPPM (PT)) 2015 – 2025. Hasil penyelidikan akan menaikkan reputasi UniMAP sebagai salah sebuah universiti yang berwibawa yang dapat menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan kesejahteraan rakyat Malaysia khususnya.

KPI

1. Nilai (RM) pendapatan kasar perlesenan/jualan terus
2. Bilangan perlesenan/jualan terus kepada industri
3. Bilangan harta intelek (IP) baharu yang didaftar & bertaraf *granted*
4. Bilangan projek penyelidikan berimpak kepada komuniti

Inisiatif Utama

1. Menggalakkan persekitaran terbuka bagi menjadi pemangkin kepada aktiviti penyelidikan berfokus keusahawanan.
2. Meningkatkan ruang dan peluang untuk menyokong aktiviti pengkomersialan hasil penyelidikan yang memberi manfaat kepada komuniti.
3. Mewujudkan rangkaian hubungan bersama alumni, industri dan masyarakat bagi membangunkan serta melaksanakan teknologi baharu.



TERAS
KESEJAHTERAAN PELAJAR

Teras: Kesejahteraan Pelajar

Pelajar ialah pemegang taruh yang terpenting kepada universiti. Mengambil kira hal ini, persekitaran pembelajaran yang kondusif dan kualiti infrastruktur yang baik berupaya menjadi pemangkin bagi meningkat tahap kepuasan pelajar. Melalui aktiviti yang dilaksanakan di universiti, bakat dan keupayaan sedia ada dalam diri pelajar dapat digilap dan akan mengetenghkan pelajar UniMAP ke persada yang lebih tinggi. Hal ini sekaligus membantu usaha universiti dalam menyediakan pelajar yang berketerampilan dan berkeyakinan untuk melangkah ke alam pekerjaan.

Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan pelajar, tiga (3) OS telah dikenal pasti untuk diberi perhatian. OS tersebut ialah Kampus Mesra Pelajar, Keusahawanan dan Pengupayaan Pelajar, dan Kepimpinan dan Pembangunan Bakat Pelajar. KPI yang spesifik telah ditetapkan bagi kesemua OS untuk membolehkan prestasi masing-masing dipantau dan diukur.

OS1 Kampus mesra pelajar.
OS2 Keusahawanan dan pengupayaan pelajar.
OS3 Kepimpinan dan pembangunan bakat pelajar.

Teras: Kesejahteraan Pelajar

OS1: Kampus mesra pelajar

Kampus mesra pelajar adalah nadi kepada kesejahteraan pelajar. Kampus yang selesa mampu membantu pelajar dalam mencapai kecemerlangan dalam pembangunan akademik dan sahsiah diri. Untuk tujuan tersebut, UniMAP akan memastikan kualiti kampus berada pada tahap yang kondusif. Kemudahan pembelajaran, penginapan dan perkhidmatan dinaik taraf ke satu tahap yang lebih baik dalam mendorong pelajar mencapai kecemerlangan.

KPI

1. Tahap Indeks Kesejahteraan Pelajar.
2. Pembangunan Pusat Kegiatan Pelajar (Student Centre).

Inisiatif Utama

1. Meningkatkan kualiti infrastruktur pembelajaran, penginapan dan perkhidmatan seluruh kampus.
2. Menyediakan Pusat Kegiatan Pelajar (Student Centre) di Fakulti dan Kolej Kediaman.

Teras: Kesejahteraan Pelajar

OS2: Keusahawanan dan pengupayaan pelajar

Antara elemen penting yang turut menyumbang kepada kesejahteraan pelajar ialah kestabilan kewangan dan sumber perbelanjaan harian serta keupayaan kendiri dalam menghadapi situasi mencabar sepanjang tempoh pengajian di UniMAP. Sehubungan itu, amat penting para pelajar dibekalkan dengan latihan kemahiran keusahawanan dan program peningkatan keupayaan diri. Program-program ini bukan sahaja melatih kemahiran pelajar semasa berada di kampus, malah membekalkan kemahiran berterusan yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar setelah mereka tamat pengajian.

KPI

1. Bilangan peluang pekerjaan.
2. Jumlah dana untuk kebajikan pelajar.
3. Bilangan pelajar yang menerima bantuan.
4. Bilangan program penasihatan dan khidmat kaunseling kepada pelajar.

Inisiatif Utama

1. Menyediakan peluang pekerjaan kepada pelajar.
2. Meningkatkan sumber dana dan bantuan yang mampan kepada pelajar.
3. Memberi khidmat nasihat dan kaunseling kepada pelajar.

Teras: Kesejahteraan Pelajar

OS3: Kepimpinan dan pembangunan bakat pelajar

Kepimpinan dan bakat pelajar adalah elemen penting dalam memacu potensi dan pembangunan jati diri dalam mendepani cabaran bukan hanya di kampus tetapi lebih penting dalam konteks alam pekerjaan. *Softskills* yang kini dikenali sebagai *essential skills* merupakan nilai tambah penting dalam diri pelajar yang sangat diperlukan oleh bakal majikan.

KPI

1. Bilangan program yang dilaksanakan (Program Jati Diri & Kepimpinan Pelajar)
2. Penyertaan / penglibatan / pengiktirafan pelajar pada peringkat universiti/ kebangsaan/ antarabangsa.

Inisiatif Utama

1. Menganjurkan program peningkatan kemahiran kendiri *essential skills* pelajar.
2. Memacu dan menggilap bakat mahasiswa melalui aktiviti yang berkaitan.



TERAS PENGANTARABANGSAAN

Teras: Pengantarabangsaan

Pembangunan agenda pengantarabangsaan dalam sektor pengajian tinggi bukanlah sesuatu yang baharu. Ia bermula sebagai salah satu agenda penting dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) sebagai usaha merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah hub pendidikan tinggi antarabangsa. Pengantarabangsaan pendidikan adalah proses, manakala inti patinya adalah pengenalan komponen antarabangsa dalam semua bidang fungsional universiti yang bukan sahaja mempengaruhi aktiviti pendidikan, tetapi juga penyelidikan dan pentadbiran. Pengantarabangsaan pendidikan adalah proses yang merangkumi pelbagai format interaksi antarabangsa seperti berikut:

- mobiliti untuk tujuan pendidikan - ini termasuk bukan sahaja mobiliti pelajar dan fakulti, tetapi juga wakil pentadbiran universiti;
- memperkenal jenis mobiliti berdasarkan pelbagai peralatan latihan;
- menyusun piawaian pendidikan yang dikemas kini berdasarkan sampel peringkat antarabangsa; dan
- penciptaan pelbagai bentuk perkongsian jangka panjang dalam pendidikan tinggi.

Walaupun pencapaian UniMAP untuk Teras Pengantarabangsaan yang disasarkan untuk tahun 2020 tidak berjaya dicapai sepenuhnya, usaha dan inisiatif untuk merealisasikan hasrat UniMAP agar dapat menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa terus dimantapkan. Pengantarabangsaan telah dijadikan sebagai salah satu teras strategik utama dalam Pelan Strategik UniMAP 2025. Objektif-objektif strategik bagi teras pengantarabangsaan telah ditambah baik untuk disesuaikan dengan keperluan dan keadaan semasa dengan mengambil kira pandemik COVID-19 yang belum reda.

Tiga (3) OS utama telah dikenal pasti bagi menyokong hasrat Teras Pengantarabangsaan:
OS1 Keterlihatan antarabangsa.
OS2 Penjenamaan imej sebagai universiti antarabangsa.
OS3 Persekitaran berorientasi global.

Teras: Pengantarabangsaan

OS1: Keterlihatan antarabangsa

Keterlihatan antarabangsa ialah objektif strategik utama bagi Teras Pengantarabangsaan. Penilaian mengambil kira aspek penglibatan universiti dalam menyerlahkan jaringan antarabangsa melalui kolaborasi bersama universiti luar negara, melalui pelbagai memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian persefahaman (MoA) selain meningkatkan pendedahan dan pengalaman persekitaran antarabangsa yang dilaksanakan melalui inisiatif program mobiliti pelajar dan staf. Kewujudan pejabat maya universiti (*virtual office)* di luar negara juga dijangka menjadi medium yang dapat membantu hasrat universiti dalam usaha menonjolkan keterlihatan UniMAP sebagai hab kecemerlangan akademik di persada antarabangsa.

KPI

1. Bilangan MoU dan MoA aktif dengan institusi antarabangsa.
2. Bilangan aktiviti hasil daripada perjanjian kerjasama (LoI/MoU/MoA)keahlian multi-lateral yang aktif dengan institusi.
3. Bilangan pelajar dan staf yang mengikuti program mobiliti antarabangsa *(inbound)* secara bersemuka.
4. Bilangan pelajar dan staf yang mengikuti program mobiliti antarabangsa *(inbound)* secara dalam talian.
5. Bilangan program mobiliti pelajar dan staf (*outbound*) secara bersemuka.
6. Bilangan program mobiliti pelajar dan staf (*outbound*) secara dalam talian.
7. Bilangan program mobiliti staf dan pelajar (*inbound*) secara bersemuka.
8. Bilangan lokasi UniMAP@global di luar negara.
9. Bilangan aktiviti yang dianjurkan oleh UniMAP@Global di luar negara.

Teras: Pengantarabangsaan

Inisiatif Utama

1. Mengenal pasti rakan universiti dan industri yang berpotensi untuk UniMAP bekerjasama secara aktif melalui jaringan akademik dan penyelidikan sedia ada, dan jaringan yang baharu.
2. Melaksanakan aktiviti berdasarkan *niche* sepunya antara universiti serta mengadakan perbincangan secara dua hala dengan universiti-universiti berkenaan secara berkala untuk menggalakkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti akademik dan mobiliti bagi pelajar dan staf.
3. Mengenal pasti program mobiliti yang bersesuaian untuk dianjurkan (*inbound*) dan disertai (*outbound*) oleh pelajar dan staf UniMAP sama ada secara bersemuka atau secara dalam talian.
4. Bekerjasama dengan rakan strategik UniMAP di luar negara untuk menganjurkan dan menyertai program mobiliti secara dalam talian.
5. Menghebah secara aktif dan berkala setiap program dan aktiviti yang dianjurkan oleh rakan strategik UniMAP di luar negara kepada setiap PTj di UniMAP melalui emel dan media sosial.
6. Bekerjasama rapat dengan Fakulti di UniMAP untuk menggalakkan penglibatan pelajar dan staf dalam setiap program mobiliti yang dikenal pasti untuk disertai.
7. Menghubungi rakan universiti di luar negara untuk bekerjasama menggerakkan aktiviti dan program yang telah dirancang untuk dilaksanakan oleh *UniMAP's Virtual Office* di luar negara.
8. Melantik dan bekerjasama dengan alumni UniMAP di luar negara untuk merangka program promosi bagi meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa ke UniMAP dan memperkenal UniMAP di persada antarabangsa.

Teras: Pengantarabangsaan

OS2: Penjenamaan imej sebagai universiti antarabangsa

Penjenamaan merupakan suatu elemen penting bagi sesebuah organisasi atau entiti sama ada ianya bersifat komersial atau sebaliknya. Penjenamaan boleh menyumbang kepada keterlihatan dan reputasi universiti, justeru membantu mempromosi produk dan perkhidmatan yang diberikan, serta memberi kelebihan dalam persaingan.
Penjenamaan imej UniMAP sebagai universiti antarabangsa menjadi objektif strategik yang kedua bagi mengukuhkan kedudukan universiti di persada antarabangsa. Penjenamaan imej ini mengambil kira kemasukan pelajar antarabangsa ke UniMAP, penglibatan alumni, rakan strategik dan wakil kedutaan dalam setiap penganjuran aktiviti serta penubuhan pusat sehenti pelajar antarabangsa sebagai pusat penyaluran maklumat dan maklum balas.

KPI

1. Bilangan aktiviti yang melibatkan alumni antarabangsa, pihak kedutaan dan rakan strategik.
2. Bilangan pelajar antarabangsa pra siswazah yang mendaftar untuk mengikuti pengajian di UniMAP.
3. Bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah yang mendaftar untuk mengikuti pengajian di UniMAP.
4. Indeks kepuasan pelajar antarabangsa sepanjang keberadaan di UniMAP.

Inisiatif Utama

1. Menghubungi dan bekerjasama rapat dengan alumni UniMAP di luar negara, pihak kedutaan negara-negara luar di Malaysia, dan rakan strategik antarabangsa.
2. Mengemas kini maklumat tentang UniMAP dari masa ke semasa melalui edaran “e-newsletter” UniMAP kepada rakan strategik UniMAP di dalam dan luar negara.
3. Meningkatkan aktiviti promosi secara bersemuka dan dalam talian untuk memperkenalkan UniMAP dan program-program pengajiannya di persada antarabangsa.
4. Melantik ejen yang berpotensi untuk menarik lebih ramai kemasukan pelajar antarabangsa ke UniMAP
5. Mengadakan perjumpaan bersama pelajar antarabangsa secara berkala, mengadakan lawatan ke penempatan pelajar antarabangsa di kolej-kolej kediaman, dan mengadakan mesyuarat bersama pusat tanggungjawab yang terlibat dengan pengurusan pelajar antarabangsa secara berkala.

Teras: Pengantarabangsaan

OS3: Persekitaran berorientasi global

Pengalaman antarabangsa dikaitkan secara langsung dengan fenomena globalisasi. Persekitaran berorientasi global menjadi salah satu objektif strategik bagi Teras Pengantarabangsaan UniMAP 2025. Mengantarabangsakan pengalaman pelajar dan kampus merujuk kepada usaha yang dilakukan untuk mewujudkan persekitaran kampus yang bersifat global.

KPI

Bilangan aktiviti yang memberi pendedahan antarabangsa kepada pelajar dan staf di UniMAP.

Inisiatif Utama

1. Melibatkan pensyarah ekspatriat dan menjemput ahli akademik dari universiti luar negara untuk berkongsi pengalaman dan menyampaikan kuliah/seminar kepada pelajar dan staf UniMAP secara bersemuka atau dalam talian.
2. Melibatkan staf dan pelajar UniMAP untuk menyertai aktiviti akademik dan bukan akademik di luar negara.
3. Mengaplikasikan proses adaptasi budaya antara pelajar tempatan dan pelajar antarabangsa melalui program mobiliti *inbound* dan *outbound*.



TERAS
LIBAT SAMA DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

Teras: Libat Sama Dan Pembangunan Komuniti

Evolusi pengajian tinggi global yang memberi penekanan kepada pengembangan komuniti sebagai salah satu misi universiti membuka ruang dan menuntut kepada keterlibatan UniMAP dalam aspek ini melalui kaedah yang berstruktur dan terancang. Atas kesedaran tersebut, Pelan Strategik UniMAP 2025, memberi penumpuan kepada komuniti iaitu di bawah teras Libat Sama dan Pembangunan Komuniti. Penekanan ini juga selari dengan hasrat IMPAK universiti: Insan, (nilai) Murni, Proses, Antarabangsa dan Komuniti. Teras ini menggambarkan bahawa universiti memainkan peranan dalam membangunkan komuniti dan bertindak sebagai Agen Perubahan, iaitu kepakaran dan pengetahuan yang dimiliki oleh staf dan pelajar berupaya melakukan perubahan terhadap komuniti yang akan meningkatkan kesejahteraan hidup mereka. Untuk mencapai hasrat tersebut, dua (2) OS telah dikenal pasti.

OS1 Pembudayaan tanggungjawab sosial.
OS2 Pengupayaan komuniti.

Teras: Libat Sama Dan Pembangunan Komuniti

OS1: Pembudayaan tanggungjawab sosial

Mengintegrasikan penyelidikan dan pendidikan ke arah pembangunan komuniti yang sejahtera melalui Program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dengan Program Pemindahan Ilmu *(Knowledge Transfer Programme* - KTP) iaitu pengetahuan atau kepakaran dari universiti akan meningkatkan kualiti hidup komuniti yang lebih baik serta mewujudkan suasana persekitaran komuniti yang harmoni. OS ini memberi peluang kepada staf dan pelajar untuk menyumbang kepakaran melalui Program Pemindahan Ilmu (*Knowledge Transfer Programme* – KTP) dengan memberi khidmat kepada komuniti dengan lebih berkesan serta berimpak tinggi bagi mewujudkan kesejahteraan komuniti.

KPI

1. Bilangan aktiviti berkaitan promosi/kempen USR.
2. Bilangan staf yang terlibat dalam aktiviti promosi/kempen.
3. Bilangan pelajar yang terlibat dalam aktiviti promosi/kempen.
4. Bilangan projek penyelidikan yang mempunyai elemen program pemindahan ilmu (KTP) untuk pelaksanaan USR.
5. Bilangan staf dalam program USR.
6. Bilangan pelajar dalam program USR.

Inisiatif Utama

1. Meningkatkan kesedaran staf dan pelajar berkaitan program USR.
2. Menggalakkan penyertaan staf dan pelajar dalam program USR.

Teras: Libat Sama Dan Pembangunan Komuniti

OS2: Pengupayaan komuniti

Kerjasama strategik iaitu penglibatan dan kerjasama erat antara pihak akademia, komuniti dan organisasi luar-agensi kerajaan/ industri akan mewujudkan pengupayaan komuniti sebagai kesan jangka panjang. Menerusi kerjasama ini program USR yang dilaksanakan berupaya menghasilkan output dan keberhasilan demi memperkasakan komuniti. Ia merangkumi pengembangan nilai-nilai kemanusiaan serta kesejagatan ke arah keharmonian, kesejahteraan dan juga kelestarian masyarakat khususnya golongan terkebawah.

KPI

1. Bilangan ahli komuniti dalam program USR.
2. Bilangan program yang dilaksanakan.
3. Peratusan program pengajian yang terlibat dalam program Sulam - *Service Learning Malaysia University For Society.*
4. Bilangan industri/agensi yang terlibat dengan program USR.
5. Nilai (RM) dana yang diperolehi daripada industri/agensi.
6. Peratusan Indeks Kesejahteraan Komuniti (yang terlibat dalam aktiviti USR).

Inisiatif Utama

1. Meningkatkan peluang pembelajaran sepanjang hayat dan program untuk manfaat komuniti.
2. Meningkatkan hubungan dan penglibatan industri/agensi.
3. Meningkatkan kesejahteraan komuniti melalui keterlibatan dalam aktiviti USR.



TERAS
KECEMERLANGAN BAKAT

Teras: Kecemerlangan Bakat

Malaysia memberi penekanan tinggi terhadap pembangunan negara dengan menghasilkan bakat pendidikan tinggi yang cemerlang dan berkualiti. Sektor pendidikan perlu dijadikan sebagai segmen pelaburan yang sangat strategik bagi memacu kecemerlangan bakat yang boleh disuntik nilai tambahnya, diinjakkan nilai inteleknya serta diperbanyakkan modal budayanya. Kesemua aspek ini saling bergantungan dalam persekitaran sedia ada.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) – PPPM(PT) 2015-2025 turut meletakkan fokus kepada Kecemerlangan Bakat dan menjadikannya salah satu lonjakan dalam menghasilkan lebih ramai bakat cemerlang di negara ini. Lonjakan ini memberi penekanan kepada usaha membina dan membangunkan bakat cemerlang komuniti akademik di institusi pendidikan tinggi ke arah melahirkan modal insan berkualiti. Turut diberi perhatian ialah pegawai tadbir dan ikhtisas, dan staf sokongan yang berperanan menyokong kumpulan bakat cemerlang. Selain kerangka kerja yang khusus berkaitan pembangunan bakat ahli akademik melalui kepelbagaian laluan kerjaya dan pergerakan bakat seperti pendidik, penyelidik, pengamal profesional dan pentadbir akademik, kerangka laluan kerjaya yang jelas juga perlu dibangunkan untuk staf pentadbir agar kecemerlangan kumpulan ini mampu menjadi pemangkin kepada kecemerlangan bakat bagi kumpulan terbesar di institusi pendidikan tinggi.

Dalam konteks UniMAP, seramai 2,077 orang staf daripada ketiga-ketiga kumpulan perkhidmatan iaitu Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik), Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik-Pentadbir Profesional) dan Kumpulan Pelaksana secara langsung akan terlibat dengan inisiatif lonjakan kecemerlangan bakat.

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang bersidang pada bulan Mac 2020 telah bersetuju bahawa bermula tahun 2021, usaha peningkatan kecemerlangan bakat staf bukan sahaja terhad kepada pengukuran prestasi tetapi juga akan melibatkan latihan dan program pembangunan berteraskan kompetensi.

Teras: Kecemerlangan Bakat

Dalam setiap organisasi terdapat anggota yang menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang berbanding dengan yang lain. Apakah faktor yang menyebabkan seseorang pekerja itu memberikan prestasi yang lebih cemerlang dalam organisasi yang sama? Kajian telah menunjukkan perbezaan tahap prestasi antara pekerja cemerlang dan pekerja biasa adalah disebabkan oleh ciri-ciri peribadi *(personal attributes)* pekerja. Secara tradisinya, kompetensi merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi sesuatu tugasan. Walau bagaimanapun, takrifan kompetensi ini telah melalui evolusi makna dan pendekatan bagi menjamin keberkesanan dan kecemerlangan individu dan organisasi. Boyatzis (1982) dalam bukunya *"The Competent Manager"* telah membawa satu pendekatan baharu dengan menakrifkan kompetensi sebagai *"an underlying characteristic of a person"*, iaitu ciri-ciri yang tersembunyi di sebalik watak seseorang yang boleh dilihat dalam bentuk *"self-image, traits, motive and social roles"* serta kemahiran dan pengetahuannya.

Empat (4) Kerangka Kompetensi yang perlu dimiliki oleh setiap staf melalui pelbagai pelaksanaan modul latihan dan pembangunan telah dikenal pasti, iaitu:

- Kompetensi Teras
- Kompetensi Profesional
- Kompetensi Fungsional
- Kompetensi Kepimpinan

Tiga (3) objektif strategik telah ditetapkan untuk Teras ini:
OS1 Membangunkan bakat staf melalui latihan dan pembangunan berteraskan kompetensi teras, profesional dan fungsional.
OS2 Memperkukuhkan bakat staf melalui latihan dan program pembangunan khas berteraskan kompetensi kepimpinan.
OS3 Menyediakan kelompok bakat kepimpinan organisasi

Teras: Kecemerlangan Bakat

OS1: Membangunkan bakat staf melalui latihan dan pembangunan berteraskan kompetensi teras, professional dan fungsional

Mencemerlangkan bakat staf tanpa mengira latar belakang kumpulan perkhidmatan merupakan agenda utama nasional dan menjadi tanggungjawab universiti untuk merealisasikannya. Bakat cemerlang staf bukan hanya boleh diukur melalui Pencapaian Laporan Pretasi Tahunan tetapi melalui kompetensi yang telah diperkenalkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sejak dahulu lagi. UniMAP telah mengambil peranan bagi memastikan bakat staf digilap melalui tahap penilaian yang disusuli dengan program latihan dan pembangunan berteraskan kompetensi. Kompetensi yang dibangunkan selari dengan Nilai Teras Universiti dan Pelan Strategik jangka panjang bagi memastikan setiap staf universiti bekerja ke arah mentaliti dan daya saing yang berfokus kepada agenda universiti. Hal ini sekaligus menyumbang kepada pencapaian Misi dan Visi Universiti.

KPI

1. Peratus staf akademik yang mengikuti latihan berteraskan kompetensi fungsional dan mencapai tahap mahir.
2. Peratus staf pentadbir profesional yang mengikuti latihan berteraskan kompetensi profesional dan mencapai tahap mahir.
3. Peratus staf pelaksana yang mengikuti latihan berteraskan kompetensi profesional dan mencapai tahap mahir.

Inisiatif Utama

1. Melaksanakan kursus/latihan berteraskan kepada Set Kompetensi Fungsional - Akademik
2. Melaksanakan kursus/latihan berteraskan kepada Set Kompetensi Profesional - Pentadbir Profesional.
3. Melaksanakan kursus/latihan berteraskan kepada Set Kompetensi Profesional – Pelaksana.

Teras: Kecemerlangan Bakat

OS2: Memperkukuhkan bakat staf melalui latihan dan program pembangunan khas berteraskan kompetensi kepimpinan

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2006 (Panduan Mewujudkan *Search Committee* Dan Proses Pelaksanaan Pelan Penggantian) bertujuan untuk menyediakan panduan mewujudkan *Search Committee* dan proses pelaksanaan Pelan Penggantian *(Succession Planning)* yang lebih mantap dalam pemilihan pegawai-pegawai Gred 48 dan ke atas bagi mengisi jawatan-jawatan strategik di universiti. Selain perancangan penggantian bagi jawatan strategik, UniMAP juga mengambil kira bakat kepimpinan dalam kalangan kumpulan pelaksana yang turut akan memperkukuhkan organisasi pada semua peringkat. Kompetensi kepimpinan diperkukuhkan melalui latihan serta dinilai tahap pencapaian masing-masing. Dalam pada itu juga, antara perkara yang diambil kira dalam OS ini juga adalah penglibatan dan pendedahan staf kepada kompetensi yang disasarkan melalui program sangkutan.

KPI

1. Bilangan staf akademik yang mengikuti program sangkutan.
2. Bilangan staf pentadbir profesional yang mengikuti program sangkutan.
3. Bilangan staf pelaksana yang mengikuti program sangkutan.
4. Peratus staf akademik yang menyertai program pembangunan profesional berteraskan kompetensi kepimpinan dan mencapai tahap cekap atau pakar.
5. Peratus staf pentadbir profesional yang menyertai program pembangunan profesional kompetensi kepimpinan dan mencapai tahap cekap atau pakar.
6. Peratus staf pelaksana yang menyertai program pembangunan profesional kompetensi kepimpinan dan mencapai tahap cekap atau pakar.

Teras: Kecemerlangan Bakat

Inisiatif Utama

1. Memilih dan menawarkan kepada sebilangan staf akademik yang mencapai kompetensi Tahap 2 untuk mengikuti Program Sangkutan.
2. Memilih dan menawarkan kepada sebilangan Pentadbir Profesional yang mencapai kompetensi Tahap 2 untuk mengikuti Program Sangkutan.
3. Memilih dan menawarkan kepada sebilangan staf Pelaksana yang mencapai kompetensi Tahap 2 untuk mengikuti Program Sangkutan.
4. Melaksanakan program khusus kepada staf akademik yang akan wajib diikuti oleh peserta yang melepasi tahap pencapaian cekap.
5. Melaksanakan program khusus kepada staf pentadbir profesional yang akan wajib diikuti oleh peserta yang melepasi tahap pencapaian cekap.
6. Melaksanakan program khusus kepada staf pelaksana yang akan wajib diikuti oleh peserta yang melepasi tahap pencapaian cekap.

Teras: Kecemerlangan Bakat

OS3: Menyediakan kelompok bakat kepimpinan organisasi

Kepimpinan Organisasi pada semua peringkat struktur pentadbiran perlu mempunyai kesinambungannya. Ianya amat penting bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian pemimpin universiti agar barisan pelapis telah berjaya disediakan setelah melalui pelbagai latihan dan program pembangunan, dan seterusnya dimasukkan ke dalam kelompok bakat sebagai calon sedia (*ready talent*) bagi setiap jawatan strategik universiti. Kesemua staf ini akan melalui proses pemprofilan melalui kaedah yang sistematik dengan mengambil kira tempoh perkhidmatan dan juga pencapaian tertinggi.

KPI

1. Peratus staf akademik yang berjaya diprofilkan.
2. Peratus staf pentadbir profesional yang berjaya diprofilkan.
3. Peratus staf pelaksana yang berjaya diprofilkan.
4. Peratus staf akademik yang telah berada dalam kelompok bakat bagi pelan penggantian.
5. Peratus staf pentadbir profesional yang telah berada dalam kelompok bakat bagi pelan penggantian.

Inisiatif Utama

1. Pemprofilan staf akademik yang telah menyertai latihan/kursus.
2. Pemprofilan staf pentadbir profesional yang telah menyertai latihan/kursus.
3. Pemprofilan staf pelaksana yang telah menyertai latihan/kursus.
4. Melaksanakan penilaian dan pemantauan staf akademik yang telah diprofilkan secara sistematik.
5. Melaksanakan penilaian dan pemantauan staf pentadbir profesional yang telah diprofilkan secara sistematik.



TERAS
PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

Teras: Pemantapan Infrastruktur

Teras Pemantapan Infrastruktur menyokong tiga aspek penting iaitu transformasi digital, pembangunan infrastruktur dan keselamatan dan kelestarian alam sekitar yang menjadi tulang belakang kepada universiti. Teras ini perlu memastikan ketersediaan perkhidmatan berasaskan teknologi maklumat digital sejajar dengan tagline *UniMAP Go Digital*, meningkatkan kesejahteraan warga universiti dari aspek fizikal, mental, rohani dan sosial serta mewujudkan keseimbangan sumber alam di dalam kampus lestari.

Sehubungan dengan itu, beberapa objektif strategik (OS) telah dikenal pasti bagi menyokong hasrat Teras Pemantapan Infrastruktur. Kesemua OS ini mempunyai KPI yang spesifik untuk membolehkan pencapaian setiap objektif dinilai.

OS1 Transformasi Digital Bersepadu
OS2 Kesejahteraan Warga Universiti
OS3 Kampus Lestari

Teras: Pemantapan Infrastruktur

OS1: Transformasi Digital Bersepadu

Unimap Go Digital merupakan inisiatif yang akan menggerakkan universiti ke arah pendigitalan semua proses kerja universiti. Inisiatif ini akan membudayakan kerja secara digital dan kearah *paperless*. Objektif strategik yang memberi fokus kepada mendigitalkan proses – proses di universiti amat signifikan dengan industri 4.0 yang memberi impak yang berkesan kepada semua warga universiti.

KPI

Peratusan akses internet semua lokasi bangunan akademik, pentadbiran dan kolej kediaman di Kampus UniMAP.

Inisiatif Utama

1. Meningkat kelajuan jalur lebar dari 2Gbps ke 10Gbps.
2. Memastikan capaian talian internet dilaksanakan dengan dua laluan berasingan iaitu *primary link* dan *backup link*.

Teras: Pemantapan Infrastruktur

KPI

Peratusan kemajuan migrasi pelayan pangkalan data dan pelayan aplikasi ke *cloud services* (perkhidmatan awam.)

Inisiatif Utama

1. Mengenal pasti keperluan semasa berkaitan proses pemindahan Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana ke *cloud services* (perkhidmatan awam).
2. Melakukan perolehan, menganalisis keperluan dan menguji status migrasi.
3. Memastikan kelancaran semua sistem aplikasi.
4. Memastikan tiada gangguan rangkaian ke Pusat Data dan pusat pemulihan bencana
5. Memastikan semua data dan sistem dapat dilakukan salinan harian atau bulanan pendua.

Teras: Pemantapan Infrastruktur

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

1. Peratusan kemajuan liputan WiFi bagi capaian internet kepada pelajar dan staf di kampus UniMAP.
2. Peratusan penggunaan IP phone di keseluruhan Kampus UniMAP.

Inisiatif Utama

1. Menaik taraf kelajuan jalur lebar dari 2Gbps ke 10Gbps.
2. Memastikan rekabentuk rangkaian SDN dapat menampung kapasiti trafik bagi sistem dan aplikasi universiti
3. Memastikan perkakasan rangkaian LAN dapat menyediakan kapasiti jalur lebar dengan menukarkan sistem lama Centrex kepada IP Phone.

Teras: Pemantapan Infrastruktur

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

1. Peratusan kemajuan proses kerja dan perkhidmatan staf di PTJ didigitalkan.
2. Peratusan kemajuan proses kerja dan perkhidmatan pelajar di PTJ didigitalkan.
3. Peratusan kemajuan modul pembangunan bakat didigitalkan.

Inisiatif Utama

1. Mengenalpasti keperluan pengguna.
2. Menganalisis dan mereka bentuk modul.
3. Mengaturcara modul yang telah dikenalpasti.
4. Pengujian peringkat pembangun dan peringkat pengguna.

Teras: Pemantapan Infrastruktur

Objektif Strategik (OS2) : Kesejahteraan Warga Universiti

Warga kampus merupakan komuniti penting di kampus dan menyokong idea pembangunan kampus lestari. Objektif strategik ini memberi tumpuan kepada keselamatan kampus, penyediaan fasiliti dan infrastruktur yang kondusif kepada staf dan pelajar agar dapat meningkatkan kesejahteraan warga kampus keseluruhannya.

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

1. Peratus kemajuan kerja naik taraf Dewan/Bilik Kuliah.
2. Peratus kemajuan kerja pembangunan landskap di kampus alam UniMAP.
3. Peratus kemajuan pembinaan trek joging di Kampus Alam UniMAP.
4. Peratus kemajuan pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung.

Inisiatif Utama

1. Penyediaan sebut harga untuk kerja-kerja yang dirancang.
2. Permohonan bajet tambahan daripada Kementerian Pengajian Tinggi.

Teras: Pemantapan Infrastruktur

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

Peratusan kemajuan pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di Kampus Pauh UniMAP.

Inisiatif Utama

1. Melakukan penanda aras terhadap universiti awam.
2. Menyiapkan kertas kerja bagi kelulusan peringkat Pengurusan UniMAP.
3. Memantau proses pemasangan CCTV.

Teras: Pemantapan Infrastruktur

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

Peratusan kemajuan proses penyediaan sistem kawalan dan pemantauan keselamatan di dalam kampus melalui tinjauan Dron/UAV

Inisiatif Utama

1. Melakukan penanda aras terhadap universiti awam.
2. Menyiapkan kertas kerja bagi kelulusan peringkat Pengurusan UniMAP.
3. Memantau proses penyediaan sistem kawalan dan pemantauan keselamatan menggunakan Dron/UAV.

Teras: Pemantapan Infrastruktur

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

Peratusan kemajuan penyediaan untuk pensijilan EMGS.

Inisiatif Utama

1. Menganjurkan aktiviti pematuhan Efficient Management of Electrical Energy Regulations 2008 (EMEER 2008).
2. Membangunkan polisi tenaga UniMAP.
3. Membangunkan dokumentasi aktivti kecekapan tenaga UniMAP.
4. Menganjurkan taklimat dan latihan pengurusan tenaga UniMAP.

Teras: Pemantapan Infrastruktur

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

1. Berat (kg) sisa yang dikitar semula.
2. Berat(kg) sisa makanan yang dijadikan kompos.
3. Bilangan program pengurusan penjimatan air UniMAP.

Inisiatif Utama

1. Menganjurkan kutipan barang-barang kitar semula.
2. Menyewa mesin kompos.
3. Merancang program pengurusan penggunaan air di UniMAP
4. Menganjurkan kempen penjimatan air

Teras: Pemantapan Infrastruktur

Penunjuk Prestasi Utama (KPI)

Bilangan pokok mangga harumanis yang ditanam.

Inisiatif Utama

1. Merancang tapak penanaman pokok di kampus.
2. Membangunkan dokumen penjagaan serta penyelenggaran pokok mangga harumanis.
3. Menguruskan proses pembelian dan penanaman pokok.



TERAS KELESTARIAN KEWANGAN

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Teras: Kelestarian Kewangan

Kewangan ialah satu daripada pemangkin utama dalam menyokong kelangsungan operasi sesebuah organisasi. Kini, dengan kos yang semakin meningkat, institusi pengajian tinggi perlu melipatgandakan usaha bagi memastikan kelangsungan dan kecemerlangan Universiti tidak terjejas. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mensyaratkan setiap universiti awam di Malaysia perlu menjana pendapatan sendiri bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan operasi masing-masing di samping mengurangkan kebergantungan terhadap peruntukan daripada Kerajaan. Selain itu, Lonjakan 5 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu Kemampanan Kewangan, menyatakan bahawa IPT di Malaysia perlu berusaha mendapatkan sumber pendapatan tambahan sebagai alternatif untuk menjadi sebuah institusi pendidikan awam yang lebih fleksibel, kukuh, dan mampan dari segi pengurusan kewangan mereka. Dalam masa yang sama ianya memberi peluang yang luas kepada IPT untuk menjalin kerjasama dengan industri demi manfaat bersama.

Tiga (3) objektif strategik yang dikenal pasti ialah:
OS1Kemakmuran universiti melalui usaha wakaf, endowmen dan hadiah.
OS2 Kelestarian dana keusahawanan pelajar.
OS3 Kewangan mampan.

Teras: Kelestarian Kewangan

OS1: Kemakmuran universiti melalui usaha wakaf, endowmen dan hadiah

Sumber penjanaan melalui endowmen dan wakaf adalah saluran pendanaan yang ketiga yang boleh diterokai bersama oleh Universiti Awam. Sumber dana ini memberikan sokongan jangka masa panjang sesebuah Universiti. Dana tersebut yang perlu dilaburkan dan dapat memberikan pulangan pendapatan yang boleh digunakan bersesuaian dengan tujuan amanah bagi setiap sumbangan yang diberikan. Penerimaan hadiah yang mengikut prosedur ditetapkan oleh Universiti juga menggalakkan lagi jaringan dan sumbangan industri luar terhadap pembangunan Universiti.

KPI

1. Nilai endowmen/wakaf yang diperolehi
2. Nilai penerimaan hadiah kepada Universiti
3. Nilai pulangan pelaburan (wakaf/endowmen)

Inisiatif Utama

1. Rangkaian pihak pengurusan tertinggi UniMAP (Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor serta ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti).
2. Mengekalkan hubungan sedia ada semua ketua jabatan Universiti dengan syarikat/industri luar yang berpotensi.
3. Penyediaan platform perbankan mudah alih yang mesra pengguna untuk menyumbang kepada Universiti.
4. Mempromosikan 3P (pakar,program dan prasarana) kepada penyumbang yang berpotensi.
